مجلس كام اسلام نكري قدح دار الأمان

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

LAPORAN TAHUNAN 2023

Berubah Demi Keunggulan

PENUBUHAN

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Pentadbiran Undang-Undang Islam
(Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan:

Maka hendaklah ada suatu badan bernama
"Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman"
untuk mebantu dan menasihati
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam
perkara-perkara yang berhubungan dengan
Agama Islam.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

D.K., D.K.H., D.M.N., D.U.K., D.K. (Kelantan)., D.K. (Johor)., D.K. (Perak).,
D.K. (Selangor)., D.K. (Negeri Sembilan)., D.K. (Perlis)., D.K. (Pahang).,
D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.

SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

SENARAI UNDANG-UNDANG DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

ENAKMEN

1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008
2) Enakmen Mufti Dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008
3) Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988
4) Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Kedah Darul Aman) 1988
5) Enakmen Tabong Pegawai-Pegawai Masjid 1968
6) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
7) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
8) Enakmen Tatacara Mal (Kedah Darul Aman) 2014
9) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008
10) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
11) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008

PERATURAN – PERATURAN

1) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Mualaf (Kedah Darul Aman) 2021
2) Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016
3) Peraturan-Peraturan Baitulmal (Kedah Darul Aman) 2021
4) Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid (Kedah Darul Aman) 2019
5) Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Kariah (Kedah Darul Aman) 2019
6) Peraturan-Peraturan Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) (Pungutan Khairat) 2019

KAEDAH – KAEDAH

1) Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang Dan Fi) 2019

Isi **Kandungan**

PERUTUSAN

- PERUTUSAN YANG DIPERTUA 08
- ALUAN SETIAUSAHA 09

MAKLUMAT KORPORAT

- VISI, MISI & MOTO 12
- PERANAN 12
- OBJEKTIF 13
- NILAI BERSAMA 14
- KEANGGOTAAN MAIK 2023 15
- CARTA ORGANISASI 19

LAPORAN PENYATA KEWANGAN

- SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 21
- ANALISIS LAPORAN KEWANGAN 41

LAPORAN OPERASI MAIK

- BAITULMAL 70
- WAKAF 97
- PUSBA 108

LAPORAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

- LAPORAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2023 124
- KHIDMAT PENGURUSAN 141
- PEMBANGUNAN HARTANAH 147
- PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK 157
- PERUNDANGAN 160
- TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 165
- UNIT AUDIT DALAM 168

LENSA AKTIVITI MAIK 173

07

PERUTUSAN

PERUTUSAN
YANG DIPERTUA



BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, semua warga kerja Majlis Agama Islam Negeri Kedah dapat menyusuri tahun 2023. Laporan tahunan ini bertujuan bagi melaporkan setiap program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

Pada tahun 2023, dalam usaha memperkasa undang-undang syariah di negeri Kedah, MAIK telah melaksanakan beberapa pindaan terhadap enakmen dan peraturan yang berkuat kuasa. Pada tahun 2023, MAIK telah meminda seksyen 46(4) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016 dan Peraturan-Peraturan Baitulmal (Kedah Darul Aman) 2021.

Selaras dengan peranan utama MAIK selaku pembuat dasar, sepanjang tahun 2023 terdapat beberapa dasar yang telah diputuskan antaranya ialah pelaksanaan pelantikan Timbalan Imam di masjid seluruh negeri Kedah bagi melancarkan pengurusan aktiviti masjid dan melaksanakan projek solar *photovalteic* di 300 buah masjid di negeri Kedah.

MAIK juga telah melantik PricewaterhouseCoopers Advisory Sdn. Bhd. bagi menjalankan kajian struktur organisasi dan strategi kewangan MAIK. Antara cadangan berdasarkan kajian penstrukturan semula organisasi MAIK ialah pewujudan jawatan ketua pegawai eksekutif atau ketua pegawai operasi yang akan memberi fokus kepada pentadbiran MAIK sekaligus memisahkan tugas Setiausaha MAIK dan Pengarah JHEAIK, memberi penumpuan kepada penambahan jawatan eksekutif dan mentransformasi perkhidmatan ke arah pendigitalan. Saya harap penstrukturan semula MAIK dapat dilaksanakan secepat mungkin supaya pentadbiran MAIK akan menjadi lebih cekap dan baik.

Akhir kata, setiap warga kerja MAIK hendaklah memberikan komitmen penuh dan berintegriti bagi mencapai matlamat kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Sekian, wassalam.

DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN
RAJA MUDA KEDAH
MERANGKAP YANG DIPERTUA
MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

ALUAN
SETIAUSAHA



ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya pihak pentadbiran MAIK dapat menempuh segala cabaran dan rintangan sehingga dapat merealisasikan setiap pencapaian pada tahun 2023.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) atas kejayaan menerbitkan Buku Laporan Tahunan MAIK Tahun 2023. Buku laporan ini juga merupakan kayu pengukur dalam menilai prestasi MAIK sebagai sebuah agensi agama yang terulung di Negeri Kedah. Dokumentasi ini amat penting untuk dijadikan sumber rujukan serta panduan dalam menilai pencapaian MAIK seterusnya membuat penambahbaikan bagi memastikan segala program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan teratur pada masa akan datang.

Tema yang diangkat bagi tahun 2023 ialah **"Berubah Demi Keunggulan"** yang diilhamkan daripada semangat dan kesungguhan melakukan transformasi yang memberikan impak yang besar sepanjang tahun 2023. Sebagai penjawat awam terutama yang berkhidmat dengan institusi berkaitan hal ehwal Islam, semua kakitangan perlu lebih proaktif dan berusaha meningkatkan kecekapan bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti.

Dalam usaha untuk memperkasakan tadbir urus korporat di MAIK, pentadbiran ini melantik pihak PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn Bhd yang mempunyai pengalaman bertaraf antarabangsa dalam melaksanakan kajian di MAIK yang meliputi kajian strategi kewangan dan struktur organisasi. Laporan akhir kajian ini akan dapat dijadikan panduan ke arah memantapkan lagi pengurusan tadbir urus MAIK.

Selaras dengan hasrat kerajaan dalam pemerkasaan pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, MAIK mengambil inisiatif dengan penggunaan teknologi maklumat dalam urusan pentadbiran di MAIK melalui pembangunan tujuh sistem utama secara dalaman yang merangkumi sistem Pengurusan Sumber Manusia (gaji, tuntutan dan pinjaman), Sistem Perakaunan, Belanjawan dan Anggaran Hasil, Sistem Aset dan Sistem Stor, Sistem Sewaan Premis dan Hartanah, Sistem Maklumat Hartanah Wakaf dan Baitulmal.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga MAIK yang telah sama-sama berganding bahu, bekerja bersungguh-sungguh serta memberikan komitmen yang tinggi ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan MAIK.

Sekian, wassalam.

DATO' DR. HAJI ABD GHANI @ ZULKIFLI BIN HAJI ZAINUDDIN
SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

MAKLUMAT KORPORAT

VISI

MENJADI INSTITUSI PEMBUAT DASAR HAL EHWAL AGAMA ISLAM YANG UNGGUL DAN BERWIBAWA

MISI

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS HAL EHWAL AGAMA ISLAM DEMI KESEJAHTERAAN UMMAH

MOTO

MAIK CEMERLANG UMMAH SEJAHTERA

PERANAN MAIK

1. Membuat dasar-dasar berhubung dengan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Kedah.
2. Membantu mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Kedah selaras dengan hukum syarak.
3. Pemegang Amanah ke atas orang-orang dan harta benda umat Islam di Negeri Kedah dan menguruskannya dengan berlandaskan Hukum Syarak.
4. Mempertingkatkan kualiti tadbir urus pengurusan.

OBJEKTIF MAIK

01 Mempertingkatkan kualiti tadbir urus pengurusan.

02 Memantapkan peranan Baitulmal sebagai institusi penggerak sosial dan ekonomi umat Islam.

03 Memperkasakan Wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi sosial umat Islam.

04 Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang hal ehwal agama Islam.

05 Memperkukuhkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini.

06 Membudayakan penyelidikan bagi kesejahteraan ummah.

NILAI BERSAMA

01

• KEPUTUSAN BERSAMA

Mengamalkan budaya membuat keputusan secara bersama melalui keputusan mesyuarat yang diputuskan secara kolektif.

02

• PROFESIONAL

Mementingkan ilmu pengetahuan , kepakaran, keberkesanan dan peningkatan kompetensi dalam semua tugas dan tanggungjawab.

03

• INTEGRITI

Mempunyai sikap jati diri bersandarkan prinsip menjalankan tugas untuk dunia dan akhirat.

04

• PENAMBAHBAIKAN INTEGIRITI

Mempraktikkan budaya kerja berprestasi tinggi dan sentiasa berusaha untuk membaiki diri daripada kesilapan.

05

• PRIHATIN

Sentiasa melihat persekitaran dalaman dan luaran bagi melaksanakan sesuatu tugas dan peranan bagi menyelesaikan masalah ummah.

ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH 2023



Dari Kiri - Dato' Dr Haji Abd Ghani @ Zulkifli Bin Haji Zainuddin (Setiausaha MAIK) , CP Dato' Haji Fisol Bin Saleh (Ketua Polis Negeri Kedah), Yang Amat Arif Dato' Syeikh Abd Rahman Bin Abdullah (Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah), Yang Berhormat Ustaz Mohd Azam Bin Abd Samat (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Agama, Komunikasi Dan Penerangan), Yang Berhormat Dato Seri' Haji Norizan Bin Khazali (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah), Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Raja Muda Kedah Merangkap Yang Dipertua MAIK, Sohibul Fadhilah Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh (Timbalan Yang Dipertua MAIK), Yang Berhormat Dato' Haji Isahak Bin Murat (Pegawai Kewangan Negeri Kedah) Yang Berhormat Dato' Nik Azhan Hakim Bin Nik Mahmood (Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah) Dato' Syeikh Zakaria Bin Othman (Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah) Yang Berbahagia Encik Mohd Sofwan Bin Khatib (Setiausaha Sulit Kepada Kdymm Sultan Kedah)

Tiada dalam gambar :

Sohibus Samahah Dato' Paduka Syeikh Fadzil bin Haji Awang (Mufti Negeri Kedah), Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Shahadan Bin Abdullah (Pengarah Tanah Dan Galina) Negeri Kedah

ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH 2023

YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH
TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN
DK., DMK., DSDK. SSS.
Raja Muda Kedah

SOHIBUL FADHILAH
DATO' WIRA SYEIKH YAHAYA BIN JUSOH
DGMK.,DSDK., BCK
Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam
Negeri Kedah Darul Aman

SOHIBUL FADHILAH
DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG
DPSS., DSDK., AMK., BCK.
Mufti Kerajaan Negeri Kedah

YANG AMAT ARIF
DATO' SYEIKH ABD RAHMAN BIN HAJI ABDULLAH
DPMK., AMK., BCK.
Ketua Hakim Syarie Negeri Kedah Darul Aman

YANG BERHORMAT
DATO' SERI HAJI NORIZAN BIN HAJI KHAZALI
SSDK., DSDK., AMK., BCK.
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

YANG BERHORMAT
BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD
Exco Pendidikan, Agama, Komunikasi dan Penerangan Negeri Kedah Darul Aman
Dilantik dari 19/5/2022 sehingga 13/8/2023

YANG BERHORMAT
USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT
SDK., PJK.
Exco Pendidikan, Agama, Komunikasi dan Penerangan Negeri Kedah Darul Aman
Dilantik dari 21/8/2023 sehingga kini

YANG BERHORMAT
DATO' NIK AZHAN HAKIM BIN NIK MAHMOOD
DSDK.
Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah Darul Aman

YANG BERHORMAT
DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT
DSSS. AMK., BCK.
Pegawai Kewangan Negeri Kedah
Dilantik dari 20/12/2018 sehingga 25/9/2023

YANG BERHORMAT
DATO' HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN
DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman
Dilantik dari 26/9/2023 sehingga kini

YANG BERBAHAGIA
DATO' MD SUHAIME BIN ABDUL RAHMAN
PJN., AMK., BCK., ASK.
Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah
Dilantik dari 1/12/2022- sehingga 29/9/2023

YANG BERBAHAGIA
DATO' HAJI MOHD SHAHADAN BIN HAJI ABDULLAH
DSDK., SDK., AMK., BCK.
Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman
Dilantik dari 9/10/2023 sehingga kini

YANG DIHORMATI
CP DATO' WAN HASSAN BIN WAN AHMAD
DDSP., PJN., BCN., PPSP.
Ketua Polis Negeri Kedah Darul Aman
Dilantik dari 5/1/2023 sehingga 19/4/2023

YANG DIHORMATI
CP DATO' FISOL BIN SALLEH
DIMP., SMP., PSPP., KMN., PJPN.
Ketua Polis Negeri Kedah Darul Aman
dilantik dari 6 Jun 2023 sehingga kini


YANG BERBAHAGIA
ENCIK MOHD SOFWAN BIN MOHD KHATIB
KSD., BCK.
Setiausaha Sulit Kepada Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah

YANG BERBAHAGIA
DATO' HAJI ZAKARIA BIN OTHMAN
DSDK., AMK., BCK.
Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat
Negeri Kedah Darul Aman

YANG BERBAHAGIA
DATO' DR. HAJI ABD. GHANI@ZULKIFLI BIN HAJI ZAINUDDIN
DSDK., DIMP., DSM., AMK., BCK., ASK.
Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman

CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH



LAPORAN PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2023

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 66.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf, Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Negeri Kedah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf, Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Negeri Kedah atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Agama Islam Negeri Kedah atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Kumpulan, termasuk pendedahannya dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; n

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Majlis Agama Islam Negeri Kedah hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap rekod-rekod kewangan dan pematuhan terhadap polisi perakaunan yang diguna pakai bagi memastikan penyediaan penyata kewangan yang lebih teratur.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Negeri Kedah berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
2 OKTOBER 2024

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

"Kami, **DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN, DK. (KEDAH)., DMK., DSDK., SSS.**, Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman dan **DATO' WIRA SYEIKH YAHAYA BIN HAJI JUSOH, DGMK., DSDK., BCK.**, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai Dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar Kumpulan Dan Majlis beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **KUMPULAN DAN MAJLIS PADA 31 DISEMBER 2023** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tempoh yang berakhir pada tarikh tersebut."

DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN, DK. (KEDAH)., DMK., DSDK., SSS.
Yang Dipertua

DATO' WIRA SYEIKH YAHAYA BIN HAJI JUSOH, DGMK., DSDK., BCK.
Timbalan Yang Dipertua

TARIKH: 01/10/2024

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Saya **DATO' DR. HAJI ABD. GHANI @ ZULKIFLI BIN HAJI ZAINUDDIN, DSDK., DIMP., DSM., AMK., BCK., ASK.,** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Kumpulan dan Majlis beserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2023, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh]
DATO' DR. HAJI ABD. GHANI @ ZULKIFLI BIN HAJI ZAINUDDIN,
DSDK., DIMP., DSM., AMK., BCK., ASK.,
di Alor Setar, Kedah Darul Aman]
pada : 30 SEP 2024]

Dihadapan Saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
K113
YASTINA BINTI HAMID
01.01.2021 - 31.12.2024

PESURUHJAYA SUMPAH

NO. 19, TINGKAT 1, BANGUNAN DATO' HAJI ALI ISMAIL,
JALAN TUNKU IBRAHIM, 05000 ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
MENGIKUT KUMPULAN WANG
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN		MAIK	
		2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
ASET					
ASET SEMASA					
Tunai dan Kesetaraan Tunai	6	54,990,965	48,618,677	53,529,500	47,237,779
Luqatah	13	43,503	-	43,503	-
Belum Terima	8	785,046	921,836	785,046	921,836
Belum Terima Lain	9	1,560,684	986,053	1,501,975	939,018
Inventori	10	111,543	154,289	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		**57,491,741**	**50,678,855**	**55,860,024**	**49,098,633**
ASET BUKAN SEMASA					
Belum Terima	8	1,655,548	1,714,932	1,655,548	1,714,932
Belum Terima Lain	9	6,432,246	8,003,432	6,418,547	7,997,402
Aset Kewangan	7	1,421,170	1,637,586	1,421,170	1,637,586
Pelaburan Dalam Entiti Yang Dikawal	11	-	-	350,002	350,002
Aset Dalam Pembinaan	12	-	321,738	-	321,738
Luqatah	13	-	45,204	-	45,204
Aset Tak Ketara	14	230,312	279,489	227,966	276,853
Hartanah Pelaburan	15	15,141,288	17,464,117	15,141,288	17,464,117
Hartanah, Loji dan Peralatan	16	16,287,256	16,265,339	16,267,141	16,241,380
Aset Bukan Semasa Yang Lain		817	3,648	817	3,648
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		**41,168,637**	**45,735,485**	**41,482,479**	**46,052,842**
JUMLAH ASET		**98,660,378**	**96,414,340**	**97,342,503**	**95,151,475**
LIABILITI					
LIABILITI SEMASA					
Belum Bayar	17	406,253	441,592	344,723	421,004
Belum Bayar Lain	18	3,529,839	2,970,475	3,508,743	2,969,275
Manfaat Pekerja	19	117,290	61,177	117,290	61,177
Wang Khas	20	6,393,289	5,005,617	6,393,289	5,005,617
Wang Amanah	21	4,225,143	4,273,838	4,225,143	4,273,838
Istibdal	22	2,656,236	2,630,711	2,656,236	2,630,711
Dividen Belum Bayar		104,000	116,000	-	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		**17,432,050**	**15,499,410**	**17,245,424**	**15,361,622**
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Belum Bayar Lain	18	9,909,690	10,217,035	9,881,432	10,186,812
Manfaat Pekerja	19	150,978	131,652	150,978	131,652
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		**10,060,668**	**10,348,687**	**10,032,410**	**10,318,464**
JUMLAH LIABILITI		**27,492,718**	**25,848,097**	**27,277,834**	**25,680,086**
ASET BERSIH		**71,167,660**	**70,566,243**	**70,064,669**	**69,471,389**
DANA AMANAH					
DANA TERHAD					
Modal Wakaf		10,700,028	-	10,700,028	-
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wang Wakaf	24	99,216	15,055,926	99,216	15,055,926
		10,799,244	15,055,926	10,799,244	15,055,926
DANA TIDAK TERHAD					
Rizab		10,645,778	14,657,595	10,645,778	14,657,595
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Sumber Am	24	47,769,874	38,691,679	47,769,874	38,691,679
Aset Kewangan	7	849,773	1,066,189	-	1,066,189
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Entiti Yang Dikawal	25	1,102,991	1,094,854	-	-
		60,368,416	55,510,317	59,265,425	54,415,463
JUMLAH DANA AMANAH		**71,167,660**	**70,566,243**	**70,064,669**	**69,471,389**

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
MENGIKUT KUMPULAN WANG
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN WANG SUMBER AM		KUMPULAN WANG WAKAF		MAIK	
		2023	2022	2023	2022	2023	2022
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
ASET							
ASET SEMASA							
Tunai dan kesetaraan tunai	6	40,557,680	34,105,009	12,971,820	13,132,770	53,529,500	47,237,779
Luqatah	13	43,503	-	-	-	43,503	-
Belum Terima	8	285,679	284,498	499,367	637,338	785,046	921,836
Belum Terima Lain	9	1,247,931	788,192	254,044	150,826	1,501,975	939,018
Inventori	10	-	-	-	-	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		42,134,793	35,177,699	13,725,231	13,920,934	55,860,024	49,098,633
ASET BUKAN SEMASA							
Belum Terima	8	348,988	357,862	1,306,560	1,357,070	1,655,548	1,714,932
Belum Terima Lain	9	1,617,507	1,985,811	4,801,040	6,011,591	6,418,547	7,997,402
Aset Kewangan	7	1,421,170	1,637,586	-	-	1,421,170	1,637,586
Pelaburan Dalam Entiti Yang Dikawal	11	350,002	350,002	-	-	350,002	350,002
Aset Dalam Pembinaan	12	-	321,738	-	-	-	321,738
Luqatah	13	-	45,204	-	-	-	45,204
Aset Tak Ketara	14	227,966	276,853	-	-	227,966	276,853
Hartanah Pelaburan	15	7,059,820	7,331,211	8,081,468	10,132,906	15,141,288	17,464,117
Hartanah, Loji dan Peralatan	16	15,402,280	16,229,150	864,861	12,210	16,267,141	16,241,360
Aset Bukan Semasa Yang Lain		817	3,648	-	-	817	3,648
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		26,428,550	28,539,065	15,053,929	17,513,777	41,482,479	46,052,842
JUMLAH ASET		68,563,343	63,716,764	28,779,160	31,434,711	97,342,503	95,151,475
LIABILITI							
LIABILITI SEMASA							
Belum Bayar	17	341,963	421,004	2,760	-	344,723	421,004
Belum Bayar Lain	18	2,038,616	1,465,924	1,470,127	1,503,351	3,508,743	2,969,275
Manfaat Pekerja	19	117,290	61,177	-	-	117,290	61,177
Wang Khas	20	-	5,005,617	6,393,289	-	6,393,289	5,005,617
Wang Amanah	21	4,225,143	4,273,838	-	-	4,225,143	4,273,838
Istibdal	22	-	2,630,711	2,656,236	-	2,656,236	2,630,711
JUMLAH LIABILITI SEMASA		6,723,012	13,858,271	10,522,412	1,503,351	17,245,424	15,361,622
LIABILITI BUKAN SEMASA							
Belum Bayar Lain	18	2,423,928	2,051,470	7,457,504	8,135,342	9,881,432	10,186,812
Manfaat Pekerja	19	150,978	131,652	-	-	150,978	131,652
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		2,574,906	2,183,122	7,457,504	8,135,342	10,032,410	10,318,464
JUMLAH LIABILITI		9,297,918	16,041,393	17,979,916	9,638,693	27,277,834	25,680,086
ASET BERSIH		59,265,425	47,675,371	10,799,244	21,796,018	70,064,669	69,471,389
DANA AMANAH							
DANA TERHAD							
Modal Wakaf		-	-	10,700,028	-	10,700,028	-
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wang Wakaf	24	-	-	99,216	15,055,926	99,216	15,055,926
		-	-	10,799,244	15,055,926	10,799,244	15,055,926
DANA TIDAK TERHAD							
Rizab		10,645,778	7,917,503	-	6,740,092	10,645,778	14,657,595
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Sumber Am	24	47,769,874	38,691,679	-	-	47,769,874	38,691,679
Aset Kewangan	7	849,773	1,066,189	-	-	849,773	1,066,189
		59,265,425	47,675,371	-	6,740,092	59,265,425	54,415,463
JUMLAH DANA AMANAH		59,265,425	47,675,371	10,799,244	21,796,018	70,064,669	69,471,389

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN 2023 RM	KUMPULAN 2022 RM	MAIK 2023 RM	MAIK 2022 RM
PENDAPATAN		611,659	605,730	-	-
HASIL					
Hasil Dari Transaksi Bukan Pertukaran					
Lesen, Terimaan Pendaftaran dan Permit		*64,195*	*60,150*	*64,195*	*60,150*
Denda dan Hukuman		*1,100*	*1,400*	*1,100*	*1,400*
Sumbangan dan Bayaran Ganlian Daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan		*616,258*	*379,079*	*616,258*	*379,079*
Pulangan Balik Perbelanjaan		*117,808*	*98*	*117,808*	*98*
Terimaan Daripada Agensi-Agensi Kerajaan		*9,258,321*	*5,350,000*	*9,258,321*	*5,350,000*
		10,057,682	5,790,727	10,057,682	5,790,727
Hasil Dari Transaksi Pertukaran					
Pendapatan Perkhidmatan		*581,847*	*381,959*	*578,683*	*378,795*
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang		*1,297,779*	*680,000*	*1,297,779*	*680,000*
Sewaan dan Pajakan		*751,843*	*692,863*	*744,643*	*685,663*
Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan		*963,878*	*754,576*	*943,482*	*744,029*
Tambahan Nilai Pasaran Atas Pelaburan		-	-	-	-
		3,595,347	2,409,398	3,564,587	2,388,487
Lain-lain Hasil					
Pendapatan Lain		*292,049*	*239,228*	*292,049*	*235,054*
		292,049	239,228	292,049	235,054
JUMLAH HASIL		13,945,078	8,439,353	13,914,318	8,414,268
JUMLAH PENDAPATAN		14,556,737	9,045,083	13,914,318	8,414,268
PERBELANJAAN					
EMOLUMEN					
Gaji dan Upahan		1,281,145	1,201,697	1,281,145	1,201,697
Elaun-Elaun Tetap		450,703	438,976	450,703	438,976
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan		221,279	208,679	221,279	208,679
Elaun Lebih Masa Untuk Kakitangan		54,142	44,783	54,142	44,783
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain		22,799	20,564	22,799	20,564
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan		66,200	68,606	66,200	68,606
		2,096,268	1,983,305	2,096,268	1,983,305
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN					
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	26	172,487	127,568	169,429	125,139
Pengangkutan Barang-Barang		695	-	695	-
Perhubungan dan Utiliti	27	172,615	162,371	137,453	125,138
Sewaan	28	429,114	225,039	427,314	223,239
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti		35,245	31,405	35,245	31,405
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	29	427,166	459,708	421,034	455,231
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	30	402,688	190,414	397,194	181,244
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	31	6,628,382	5,296,186	6,247,469	4,910,376
		8,268,392	6,492,691	7,835,833	6,051,772
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP					
Biasiswa dan Dermasiswa		70,000	19,500	70,000	19,500
Pemberian Dalam Negeri	32	1,536,494	1,453,463	1,528,144	1,446,363
Ganjaran		-	-	-	-
Manfaat kakitangan		117,289	61,177	117,289	61,177
		1,723,783	1,534,140	1,716,433	1,527,040
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN					
Bayaran Balik dan Hapuskira		4	-	4	-
Perbelanjaan Lain	33	242,758	213,806	190,425	170,420
Hutang Ragu		3,445	3,445	3,445	3,445
		246,207	217,251	193,874	173,865
SUSUTNILAI HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN		1,038,422	1,121,056	1,029,478	1,112,820
JUMLAH PERBELANJAAN		13,373,072	11,348,443		48,802
LEBIHAN / (KURANGAN) SEBELUM CUKAI		1,183,665	(2,303,360)	1,043,432	(34,534)
CUKAI		(28,096)	(35,387)	-	-
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH BAGI TAHUN		1,155,569	(2,338,747)	1,043,432	(34,534)

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangai

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULANWANG SUMBER AM	
	2023	2022
	RM	RM
HASIL		
Hasil Dari Transaksi Bukan Pertukaran		
Lesen, Terimaan Pendaftaran dan Permit	*64,195*	*60,150*
Denda dan Hukuman	*1,100*	*1,400*
Sumbangan dan Bayaran Gantian Daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	*616,258*	*379,079*
Pulangan Balik Perbelanjaan	*117,808*	*98*
Terimaan Daripada Agensi-Agensi Kerajaan	*9,258,321*	*5,350,000*
	10,057,682	5,790,727
Hasil Dari Transaksi Pertukaran		
Pendapatan Perkhidmatan	*578,683*	*378,795*
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	*1,297,779*	*580,000*
Sewaan dan Pajakan	*744,643*	*685,663*
Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan	*943,482*	*744,029*
Tambahan Nilai Pasaran Atas Pelaburan	-	-
	3,564,587	2,388,487
Lain-lain Hasil		
Pendapatan Lain	*292,049*	*235,054*
	292,049	235,054
JUMLAH HASIL	13,914,318	8,414,268
JUMLAH PENDAPATAN	13,914,318	8,414,268
PERBELANJAAN		
EMOLUMEN		
Gaji dan Upahan	1,281,145	1,201,697
Elaun-Elaun Tetap	450,703	438,976
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	221,279	208,679
Elaun Lebih Masa Untuk Kakitangan	54,142	44,783
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	22,799	20,564
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	66,200	68,606
	2,096,268	1,983,305
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	169,429	125,139
Pengangkutan Barang-Barang	695	-
Perhubungan dan Utiliti	137,453	125,138
Sewaan	427,314	223,239
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	35,245	31,405
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	421,034	455,231
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	397,194	181,244
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	6,247,469	4,910,376
	7,835,833	6,051,772
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Biasiswa dan Dermasiswa	70,000	19,500
Pemberian Dalam Negeri	1,528,144	1,446,363
Ganjaran	-	-
Manfaat kakitangan	117,289	61,177
	1,715,433	1,527,040
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN		
Bayaran Balik dan Hapuskira	4	-
Perbelanjaan Lain	190,425	170,420
Hutang Ragu	3,445	3,445
	193,874	173,865
SUSUTNILAI HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	1,029,478	1,112,820
JUMLAH PERBELANJAAN	12,870,886	10,848,802
LEBIHAN / (KURANGAN) SEBELUM CUKAI	1,043,432	(2,434,534)
CUKAI	-	-
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH BAGI TAHUN	1,043,432	(2,434,534)

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PRESTASI KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULANWANG WAKAF	
	2023	2022
	RM	RM
HASIL		
Hasil Dari Transaksi Pertukaran		
Hasil Manfaat Wakaf - Sewa	*10,057,378*	-
Hasil Manfaat Wakaf - Hibah Pelaburan	*198,117*	-
JUMLAH HASIL	10,255,495	
PERBELANJAAN		
Wakaf Khas	7,661,870	-
Wakaf Am	121,200	-
Pentadbiran	445,925	-
Lain-lain Belanja	231,472	-
JUMLAH PERBELANJAAN	8,460,467	
LEBIHAN / (KURANGAN) SEBELUM CUKAI	1,795,028	-
CUKAI	-	-
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH BAGI TAHUN	1,795,028	-

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

KUMPULAN

	NOTA	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal						
		Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Wakaf	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Sumber Am	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Entiti Yang Dikawal	Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Aset Kewangan	Rizab	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2022		**15,086,602**	**40,214,705**	**1,115,067**	**56,416,374**	**1,219,373**	**15,962,686**	**73,598,433**
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2022:								
Peningkatan / (Pengurangan)		(30,676)	1,297,041	-	1,266,365	(153,184)	(1,305,091)	(191,910)
Pelarasan		-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Lepas		-	(385,533)	-	(385,533)	-	-	(385,533)
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		-	(2,434,534)	(20,213)	(2,454,747)	-	-	(2,454,747)
Lebihan / (Kurangan) kompehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2022		(30,676)	(1,523,026)	(20,213)	(1,573,915)	(153,184)	(1,305,091)	(3,032,190)
Baki seperti pada 31 Disember 2022		**15,055,926**	**38,691,679**	**1,094,854**	**54,842,459**	**1,066,189**	**14,657,595**	**70,566,243**
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2023:								-
Peningkatan / (Pengurangan)		-	7,785,238		7,785,238	(216,416)	-	7,568,822
Pelarasan		(6,051,710)	-		(6,051,710)	-	(4,011,817)	(10,063,527)
Pelarasan Tahun Lepas	36	-	249,525		249,525	-	-	249,525
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		1,795,028	1,043,432	8,137	2,846,597	-	-	2,846,597
Lebihan / (Kurangan) kompehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2022		(4,256,682)	9,078,195	8,137	4,829,650	(216,416)	(4,011,817)	601,417
Baki seperti pada 31 Disember 2023		**10,799,244**	**47,769,874**	**1,102,991**	**59,672,109**	**849,773**	**10,645,778**	**71,167,660**

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH DISATUKAN (SAMBUNGAN)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

MAIK

	NOTA	Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal							
		Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Wakaf	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Kumpulan Wang Sumber Am	Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Aset Kewangan	Rizab	Rizab Tukaran Mata Wang	Modal Wakaf	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2022		**15,086,602**	**40,214,705**	**55,301,307**	**1,219,373**	**15,962,686**			**72,483,366**
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2022:									-
Peningkatan / (Pengurangan)		(30,676)	1,297,041	1,266,365	(153,184)	(1,305,091)	-	-	(191,910)
Pelarasan		-	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Lepas		-	(385,533)	(385,533)	-	-			(385,533)
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		-	(2,434,534)	(2,434,534)	-	-	-	-	(2,434,534)
Lebihan / (Kurangan) kompehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2022		(30,676)	(1,523,026)	(1,553,702)	(153,184)	(1,305,091)	-	-	(3,011,977)
Baki seperti pada 31 Disember 2022		**15,055,926**	**38,691,679**	**53,747,605**	**1,066,189**	**14,657,595**	-	-	**69,471,389**
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2023:									
Peningkatan / (Pengurangan)		-	7,785,238	7,785,238	(216,416)	-	-	-	7,568,822
Pelarasan		(6,051,710)	-	(6,051,710)	-	(4,011,817)			(10,063,527)
Lepas		-	249,525	249,525	-	-		-	249,525
Lebihan / (Ku ;an) bagi Tahun Semasa		-	-			-			
		1,795,028	1,043,432	2,838,460	-	-	-	-	2,838,460
Lebihan / (Ku ;an) kompehensif lain bagi Tahun S asa		-	-			-			
Jumlah Peru n Aset Bersih / Ekuiti bagi 2023		-	-	-	-	-		-	-
la 31 Disember 2023		(4,256,682)	9,078,195	4,821,513	(216,416)	(4,011,817)	-	-	593,280
		10,799,244	**47,769,874**	**58,569,118**	**849,773**	**10,645,778**	-	-	**70,064,669**

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH DISATUKAN
MENGIKUT KUMPULAN WANG
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN WANG WAKAF			KUMPULAN WANG SUMBER AM		MAIK			
		Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Modal Wakaf	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti	Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti	Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Aset Kewangan	Rizab	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2022		15,086,602	-	15,086,602	40,214,705	40,214,705	55,301,307	1,219,373	15,962,686	72,483,366
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2022:										
Peningkatan / (Pengurangan)		(30,676)	-	(30,676)	1,297,041	1,297,041	1,266,365	(153,184)	(1,305,091)	(191,910)
Pelarasan		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Tahun Lepas		-	-	-	(385,533)	(385,533)	(385,533)	-	-	(385,533)
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		-	-	-	(2,434,534)	(2,434,534)	(2,434,534)	-	-	(2,434,534)
Lebihan / (Kurangan) kompehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2022		(30,676)	-	(30,676)	(1,523,026)	(1,523,026)	(1,553,702)	(153,184)	(1,305,091)	(3,011,977)
Baki seperti pada 31 Disember 2022		15,055,926	-	15,055,926	38,691,679	38,691,679	53,747,605	1,066,189	14,657,595	69,471,389
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2023:										
Peningkatan / (Pengurangan)		-	-	-	7,785,238	7,785,238	7,785,238	(216,416)	-	7,568,822
Pelarasan		(16,751,738)	10,700,028	(6,051,710)	-	-	(6,051,710)	-	(4,011,817)	(10,063,527)
Pelarasan Tahun Lepas		-	-	-	249,525	249,525	249,525	-	-	249,525
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		1,795,028	-	1,795,028	1,043,432	1,043,432	2,838,460	-	-	2,838,460
Lebihan / (Kurangan) kompehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2023		(14,956,710)	10,700,028	(4,256,682)	9,078,195	9,078,195	4,821,513	(216,416)	(4,011,817)	593,280
Baki seperti pada 31 Disember 2023		99,216	10,700,028	10,799,244	47,769,874	47,769,874	58,569,118	849,773	10,645,778	70,064,669

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN 2023 RM	KUMPULAN 2022 RM	MAIK 2023 RM	MAIK 2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI					
Lebihan/(Kurangan) Sebelum Cukai		1,183,665	(2,303,360)	1,043,432	(2,434,534)
Pelarasan Bukan Tunai :					
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	16	934,971	563,733	926,027	555,497
Susutnilai Aset Tak Ketara	14	70,775	70,055	70,775	70,055
Pelunasan		-	465,878	-	465,878
Pelunasan Tanah Pajakan	15	31,239	21,390	31,239	21,390
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan	16	4	(10,247)	4	(10,247)
Hutang Ragu	8	-	(6,890)	-	(6,890)
Peruntukan Manfaat Kakitangan	19	75,439	(8,473)	75,439	(8,473)
Inventori		42,746	(22,450)	-	-
Cukai Dibayar		(42,639)	(44,515)	-	-
Pergerakan Bersih Dalam Belum Terima		1,327,615	(112,469)	1,332,415	(279,108)
Pergerakan Bersih Dalam Belum Bayar		1,581,495	2,824,023	1,522,622	2,875,488
Pelarasan Dana Terkumpul		100,494	(174,718)	100,494	(174,718)
Pelarasan Rezab Modal		1,587,024	27,628	1,587,024	27,628
Pelarasan Tahun Lalu	36	249,524	(385,533)	249,524	(385,533)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi		**7,142,352**	**904,052**	**6,938,995**	**716,433**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Faedah Diterima		(120,343)	(152,972)	(120,343)	(152,972)
Penambahan Pembinaan Dalam Kemajuan		321,738	(17,224)	321,738	(17,224)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	16	(828,380)	(321,659)	(823,590)	(315,999)
Pembelian Aset Tidak Ketara	14	(25,016)	(4,930)	(25,016)	(4,930)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		**(652,001)**	**(496,785)**	**(647,211)**	**(491,125)**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Penambahan/(Pengurangan) dalam Rezab		(63)	(64,506)	(63)	(64,506)
Dividen Dibayar		(116,000)	(39,000)	-	-
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan		**(116,063)**	**(103,506)**	**(63)**	**(64,506)**
Pergerakan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		**6,374,288**	**303,761**	**6,291,721**	**160,802**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		48,616,677	48,312,916	47,237,779	47,076,977
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		**54,990,965**	**48,616,677**	**53,529,500**	**47,237,779**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada :					
Wang Di Tangan dan Di Bank	6	11,879,725	3,896,892	11,283,238	3,279,953
Simpanan Tetap	6	43,111,240	44,719,785	42,246,262	43,957,826
		54,990,965	**48,616,677**	**53,529,500**	**47,237,779**

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
MENGIKUT KUMPULAN WANG
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN WANG SUMBER AM		KUMPULAN WANG WAKAF		MAIK	
		2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI							
Lebihan/(Kurangan) Sebelum Cukai		1,043,432	(2,434,534)	-	-	1,043,432	(2,434,534)
Pelarasan Bukan Tunai :							
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	16	716,845	555,497	209,182	-	926,027	555,497
Susutnilai Aset Tak Ketara	14	70,775	70,065	-	-	70,775	70,065
Pelunasan		-	465,878	-	-	-	465,878
Pelunasan Tanah Pajakan	15	8,949	21,390	22,290	-	31,239	21,390
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan	16	4	(10,247)	-	-	4	(10,247)
Peningkatan Dalam Aset Semasa Lain	13	-	-	-	-	-	-
Hasil daripada Faedah		-	-	-	-	-	-
Rosotnilai	7	-	-	-	-	-	-
Pelarasan Pembinaan Dalam Kemajuan		-	-	-	-	-	-
Hutang Ragu	8	-	(6,890)	-	-	-	(6,890)
Peruntukan Manfaat Kakitangan	19	75,439	(8,473)	-	-	75,439	(8,473)
Kerugian/(Keuntungan) atas Penjualan/Pelupusan		-	-	-	-	-	-
Hartanah, Loji dan Peralatan		-	-	-	-	-	-
Inventori		-	-	-	-	-	-
Cukai Dibayar		-	-	-	-	-	-
Bayaran Balik Cukai		-	-	-	-	-	-
Pergerakan Bersih Dalam Belum Terima		36,601	1,631,204	1,295,814	(1,910,312)	1,332,415	(279,108)
Pergerakan Bersih Dalam Belum Bayar		(1,107,254)	1,280,181	2,629,876	1,595,307	1,522,622	2,875,488
Pelarasan Dana Terkumpul		905,466	(2,268,475)	(804,972)	2,093,757	100,494	(174,718)
Pelarasan Rezab Modal		5,007,498	(1,277,463)	(3,420,474)	1,305,091	1,587,024	27,628
Pelarasan Tahun Lalu	36	249,524	(385,533)	-	-	249,524	(385,533)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi		**7,007,279**	**(2,367,410)**	**(68,284)**	**3,083,843**	**6,938,995**	**716,433**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN							
Faedah Diterima		(27,677)	(80,242)	(92,666)	(72,730)	(120,343)	(152,972)
Penambahan Pembinaan Dalam Kemajuan		321,738	(17,224)	-	-	321,738	(17,224)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	16	(823,590)	(315,999)	-	-	(823,590)	(315,999)
Pembelian Aset Tidak Ketara	14	(25,016)	(4,930)	-	-	(25,016)	(4,930)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		**(554,546)**	**(418,395)**	**(92,666)**	**(72,730)**	**(647,211)**	**(491,125)**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN							
Penambahan/(Pengurangan) dalam Rezab		(63)	(36,878)	-	(27,628)	(63)	(64,506)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan		**(63)**	**(36,878)**	**-**	**(27,628)**	**(63)**	**(64,506)**
Pergerakan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		**6,452,671**	**(2,822,683)**	**(160,950)**	**2,983,485**	**6,291,721**	**160,802**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		34,105,009	36,927,692	13,132,770	10,149,285	47,237,779	47,076,977
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		**40,557,680**	**34,105,009**	**12,971,820**	**13,132,770**	**53,529,500**	**47,237,779**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada :							
Wang Di Tangan dan Di Bank	6	7,922,128	2,760,511	3,361,110	619,442	11,283,238	3,279,953
Simpanan Tetap	6	32,635,552	31,344,498	9,610,710	12,613,328	42,246,262	43,957,826
		40,557,680	**34,105,009**	**12,971,820**	**13,132,770**	**53,529,500**	**47,237,779**

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar	Varian Bajet
	Asal	Akhir		
HASIL	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**
Urusniaga Bukan Pertukaran	8,855,500	8,855,500	10,057,982	(1,202,482)
Urusniaga Pertukaran	3,875,500	3,875,500	3,558,525	316,975
Lain-lain Hasil	120,000	120,000	292,049	(172,049)
JUMLAH HASIL	**12,851,000**	**12,851,000**	**13,908,556**	**(1,057,556)**
BELANJA	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**
EMOLUMEN				
Gaji dan Upahan	1,358,100	1,313,540	1,281,145	32,395
Elaun-Elaun Tetap	450,050	462,585	450,703	11,882
Sumbangan Berkanun Untuk KakitanganAwam	234,330	245,539	221,279	24,260
Elaun Lebih Masa Untuk Kakitangan	65,900	72,791	54,142	18,649
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	96,980	76,555	22,799	53,756
Bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bantuan Kewangan	108,710	106,310	66,200	40,110
	2,314,070	**2,277,320**	**2,096,268**	**181,052**
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	145,710	233,933	169,429	64,504
Pengangkutan Barang–barang	-	696	696	-
Perhubungan dan Utiliti	190,520	144,430	137,453	6,977
Sewaan	415,100	433,546	427,314	6,232
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk	42,500	35,340	35,245	95
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	249,000	333,729	264,041	69,688
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	241,100	749,745	387,923	361,822
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain	6,230,716	6,653,350	6,247,468	405,882
Yand Dibeli dan Hospitaliti				
	7,514,646	**8,584,769**	**7,669,569**	**915,200**
ASET				
Tanah dan Pembaikan Tanah	1,000	1,000	-	1,000
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	240,000	10,530	9,271	1,259
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	-	-	-	-
Kenderaan dan Jentera	-	-	-	-
Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	427,000	321,070	156,994	164,076
	668,000	**332,600**	**166,265**	**166,335**
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP				
Biasiswa dan Dermasiswa	110,000	90,000	70,000	20,000
Pemberian Dalam Negeri	1,686,000	1,701,417	1,524,795	176,622
Ganjaran	2,500	3,700	3,350	350
Manfaat Kakitangan	21,160	70,042	117,290	(47,248)
	1,819,660	**1,865,159**	**1,715,435**	**149,724**
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN				
Bayaran-bayaran Lain	362,000	362,000	190,070	171,930
	362,000	**362,000**	**190,070**	**171,930**
JUMLAH BELANJA	**12,678,376**	**13,421,848**	**11,837,607**	**1,584,241**
PENERIMAAN BERSIH			**2,0**	**49** **(2,641,797)**

Sila lihat nota-nota kepada Penyata Kewanga

4 ANALISIS LAPORAN KEWANGAN

1. PENDAHULUAN

Bahagian Kewangan dan Pelaburan, Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK) bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan dan pentadbiran kewangan MAIK diuruskan dengan baik, kemaskini, teratur, cepat dan tepat selaras dengan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 dan juga memastikan peruntukan yang diluluskan digunakan secara cermat, berhemah serta mematuhi prosedur dan pekeliling yang berkuatkuasa.

Akaun-akaun dibawah kawalan Majlis adalah seperti berikut:-

i) Kumpulan wang Majlis
ii) Kumpulan wang Baitulmal
iii) Kumpulan wang Amanah
iv) Kumpulan wang Wakaf
v) Kumpulan wang Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA)

(i)–(v) digabung dalam Penyata Kewangan Tahunan MAJLIS

vi) Syarikat Lubitrade Sdn. Bhd.
vii) Syarikat Pengurusan Izzah Sdn. Bhd.

(i)–(vii) digabung dalam Penyata Kewangan Tahunan KUMPULAN

Kumpulanwang Majlis adalah merupakan Kumpulanwang Pengurusan dimana perbelanjaan adalah perbelanjaan termasuk gaji dan upahan, tuntutan perjalanan dan lebih masa, perkhidmatan dan bekalan serta lain-lain perbelanjaan bagi tujuan mengurus.

Pada tahun 2023, Kumpulanwang Majlis telah diluluskan peruntukan belanjawan sebanyak RM6,597,800.00 seperti berikut:-

Bil	Aktiviti	Batas Perbelanjaan 2023 (RM)	Dasar Baru 2023 (RM)	One Off 2023 (RM)	Jumlah Keseluruhan Peruntukan Dipohon 2023 (RM)
1.	Khidmat Pengurusan	3,720,000.00	268,800.00	103,000.00	4,091,800.00
2.	Kewangan & Pelaburan	941,030.00	-	18,000.00	959,030.00
3.	Baitulmal	440,000.00	-	8,000.00	448,000.00
4.	Wakaf	670,870.00	150,000.00	8,000.00	828,870.00
5.	Pembangunan Hartanah	130,000.00	25,000.00	48,000.00	203,000.00
6.	Penyelidikan dan Perancangan Strategik	59,100.00	-	8,000.00	67,100.00
	Jumlah	5,961,000.00	443,800.00	193,000.00	6,597,800.00

Sehingga suku tahun ke-4, perbelanjaan adalah seperti berikut:

Program/ Aktiviti	Jumlah Peruntukan (Termasuk Pindahan) RM	Jumlah Perbelanjaan Sebenar RM	Baki Selepas Perbelanjaan Sebenar & Tanggungan	
			RM	%
Khidmat Pengurusan	4,249,572.00	4,242,116.65	7,455.35	0.18
Kewangan & Pelaburan	953,330.00	701,958.86	251,371.14	26.37
Baitulmal	448,000.00	342,300.43	105,699.57	23.59
Wakaf	826,470.00	726,345.98	100,124.02	12.11
Pembangunan Hartanah	189,800.00	105,976.05	83,823.95	44.16
Penyelidikan dan Perancangan Strategik	59,100.00	24,877.95	34,222.05	57.91
Jumlah Besar	**6,726,272.00**	**6,143,575.92**	**582,696.08**	**8.66**

Walaubagaimanapun, terdapat peningkatan dalam peruntukan sebanyak RM128,472.00 bagi tujuan pembayaran penyelidikan oleh PricewaterhouseCoopers.


STATISTIK KEWANGAN

1.1. Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Majlis


1.1.1. Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Majlis

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Permit Peguam Syarie	68,600.00	60,150.00	63,000.00
2.	Keuntungan Dari Pelaburan Dalam Negeri	627,411.44	387,162.12	452,457.56
3.	Jualan Bahan-Bahan Cetak	4,635.00	4,600.00	5,670.00
4.	Lain-Lain Hasil	4,758.65	31,344.49	151,850.29
5.	Bayaran Caj Perkhidmatan	500,347.87	233,489.89	458,653.24
6.	Sumbangan Kerajaan Negeri Kedah	3,500,000.00	3,150,000.00	3,500,000.00
7.	Sumbangan Lembaga Zakat Negeri Kedah	-	-	3,000,000.00
Jumlah		4,705,752.96	3,866,746.50	7,631,631.09

Carta 1 :
Perbandingan Pendapatan Kumpulanwang Majlis
Bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023




Carta 2 :
Pecahan Pendapatan Kumpulanwang Majlis Tahun 2023




1.1.2. Sumber Perbelanjaan Kumpulanwang Majlis

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Emolumen	1,982,268.81	1,983,304.40	2,096,267.66
2.	Perkhidmatan & Bekalan	2,265,803.68	3,123,677.14	3,728,726.45
3.	Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	92,783.20	71,176.75	128,711.84
4.	Perbelanjaan Lain	74,778.22	103,612.32	119,834.97
Jumlah		**4,415,633.91**	**5,281,770.61**	**6,073,540.92**

Carta 3:
Perbandingan Perbelanjaan Kumpulanwang Majlis
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023



Carta 4 :
Pecahan Perbelanjaan Kumpulanwang Majlis Tahun 2023




1.2. Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulanwang Baitulmal


1.2.1. Sumber Pendapatan Kumpulanwang Baitulmal

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Jualan Harta Faraid	332,462.60	399,399.46	1,090,348.14
2.	Sewa	578,991.10	655,313.00	714,642.60
3.	Keuntungan Atas Pelaburan	412,069.42	351,816.73	484,662.44
4.	Caruman Wakaf Am	120,000.00	120,000.00	120,000.00
5.	Jualan Bahan Cetak	174,560.00	176,000.00	196,515.00
6.	Lain-Lain Hasil	876,849.41	613,186.96	916,181.67
Jumlah		2,494,932.53	2,315,716.15	3,522,349.85

Carta 5:
Perbandingan Pendapatan Kumpulanwang Baitulmal
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023




Carta 6 :
Pecahan Pendapatan Kumpulanwang Baitulmal Tahun 2023




1.2.2. Sumber Perbelanjaan Kumpulanwang Baitulmal

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Perkhidmatan & Bekalan	506,730.37	713,466.81	938,660.17
2.	Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,209,681.40	1,453,018.90	1,581,002.60
3.	Perbelanjaan Lain	55,490.57	52,793.93	57,257.42
Jumlah		**1,771,902.34**	**2,219,279.64**	**2,576,920.19**

Carta 7:
Perbandingan Perbelanjaan Kumpulanwang Baitulmal
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023




Carta 8:
Pecahan Perbelanjaan Kumpulanwang Baitulmal Tahun 2023




1.2.3. Pecahan Agihan Bantuan Kumpulanwang Baitulmal

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Biasiswa & Dermasiswa	52,900.00	19,500.00	70,000.00
2.	Bantuan Perubatan	128,350.00	139,900.00	156,124.00
3.	Pemberian Kepada Pertubuhan Sukarela	9,684.50	42,030.00	60,000.00
4.	Bantuan Sekolah	56,000.00	114,221.00	79,840.00
5.	Bantuan Bencana Alam	116,500.00	162,180.00	173,300.00
6.	Bantuan Institusi/ Badan Dakwah Agama	101,790.00	59,578.50	104,100.00
7.	Pemberian & Bantuan Lain	744,456.90	915,609.40	936,440.50
Jumlah		1,771,902.34	2,219,279.64	2,576,920.19

Carta 9:
Perbandingan Pecahan Agihan Bantuan Kumpulanwang Baitulmal bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023



Carta 10:
Pecahan Agihan Bantuan Kumpulanwang Baitulmal Tahun 2023




1.2.4. Laporan Sumber Pendapatan Akaun Amanah Kumpulanwang Baitulmal

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Wang Khulu'	6,959.00	8,561.00	9,154.00
2.	Fidyah dan Kaffarah	1,846,770.22	2,906,540.76	2,699,308.75
3.	Wang dan Harta Tak Patuh Syariah	966,306.94	1,070,556.84	1,292,673.77
4.	Luqatah	76,859.45	113,616.66	117,974.66
5.	Infaq/Sumbangan	116,510.19	174,563.13	7,675.63
6.	Skim Infaq – Pusat Pelupusan Al-Quran Masjid Al Ala, Jitra			98,356.00
Jumlah		**3,013,405.80**	**4,273,838.39**	**4,225,142.81**

Carta 11:
Perbandingan Sumber Pendapatan Akaun Amanah Kumpulanwang Baitulmal bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023




Carta 12:
Pecahan Sumber Pendapatan Akaun Amanah Kumpulanwang Baitulmal Tahun 2023




1.2.5. Laporan Hasil Sewa Baitulmal

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Sewa Bendang	178,417.00	129,710.00	145,230.00
2.	Sewa Tapak	2,150.00	1,115.00	2,880.00
3.	Sewa Bangunan	830,951.00	524,488.00	566,441.00
Jumlah		1,011,518.00	655,313.00	714,551.00

Carta 13:
Perbandingan Hasil Sewa Baitulmal bagi Tahun 2020, 2021 dan 2023



Carta 14:
Pecahan Hasil Sewa Baitulmal Tahun 2023




1.3. Laporan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulanwang Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA)


1.3.1. Sumber Pendapatan Kumpulanwang PUSBA

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Keuntungan Dari Pelaburan Dalam Negeri	90.56	274.83	300.56
2.	Pemberian Lembaga Zakat Negeri Kedah	1,218,787.71	2,200,000.00	2,753,974.57
3.	Lain-Lain Hasil	-	25,355.00	-
Jumlah		1,218,878.27	2,225,629.83	2,754,275.13

Carta 15:
Perbandingan Pendapatan Kumpulanwang PUSBA bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023




Carta 16:
Pecahan Pendapatan Kumpulanwang PUSBA Tahun 2023




1.3.2. Sumber Perbelanjaan Kumpulan Wang PUSBA

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Perkhidmatan & Bekalan	937,138.62	2,214,627.41	3,168,445.94
2.	Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	-	2,844.95	5,718.61
3.	Perbelanjaan Lain	12,277.55	13,849.36	12,977.90
Jumlah		**949,416.17**	**2,231,321.72**	**3,187,142.45**

Carta 17:
Perbandingan Perbelanjaan Kumpulanwang PUSBA
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023




Carta 18:
Pecahan Perbelanjaan Kumpulanwang PUSBA Tahun 2023




1.3.3. Pecahan Agihan Perbelanjaan Pelajar PUSBA

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Elaun Pelajar	372,095.00	822,395.00	1,064,535.00
2.	Elaun Guru	108,825.00	266,364.59	281,098.50
3.	Sewaan Kelas Mingguan	25,050.00	64,050.00	90,500.00
4.	Pakaian Seragam	7,660.00	7,860.00	82,127.00
5.	Perubatan Pelajar	1,120.00	3,541.00	8,471.00
6.	Makan Minum Pelajar	30,988.50	153,909.50	411,045.50
7.	Kelengkapan Pelajar	17,829.35	14,075.60	46,947.70
Jumlah		563,567.85	1,332,195.69	1,984,724.70

Carta 19:
Perbandingan Pecahan Agihan Perbelanjaan Pelajar PUSBA
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023



Carta 20:
Pecahan Agihan Perbelanjaan Pelajar PUSBA Tahun 2023




1.4. Laporan Pendapatan Kumpulanwang Amanah


1.4.1. Sumber Pendapatan Kumpulanwang Amanah

Bil	Perkara	Bilangan Akaun Amanah	Jumlah		
			2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Wakaf Khas	188	14,667,099.60	14,666,135.13	16,625,143.31
2.	Wakaf Am	57	351,086.17	389,791.27	457,283.27
3.	Pertaruhan Am	31	1,392,481.88	1,837,473.22	2,170,209.74
4.	Pengambilan Balik Tanah	81	4,256,646.84	2,630,711.11	2,656,236.69
5.	Wakaf Tunai	9	949,266.51	5,005,616.84	6,393,289.60
Jumlah			21,616,581.00	24,529,727.57	28,302,162.61

Carta 21:
Perbandingan Pendapatan Kumpulanwang Amanah
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023



Carta 22:
Pecahan Pendapatan Kumpulanwang Amanah Tahun 2023




1.4.2. Laporan Hasil Sewa Wakaf


1.4.2.1. Hasil Sewa Wakaf Khas

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Sewa Bendang	161,682.00	324,169.00	332,749.00
2.	Sewa Tapak	2,206,109.00	1,014,367.00	1,654,337.10
3.	Sewa Bazar Wakaf	178,243.20	139,294.20	253,891.13
4.	Sewa Bangunan Lain	-	14,000.00	10,600.00
Jumlah		**2,546,034.20**	**1,491,830.20**	**2,251,577.23**

Carta 23:
Perbandingan Hasil Sewa Wakaf Khas
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023




Carta 24:
Pecahan Hasil Sewa Wakaf Khas Tahun 2023




1.4.2.2. Hasil Sewa Wakaf Am

Bil	Perkara	Jumlah		
		2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Sewa Bendang	56,864.00	102,140.00	121,221.50
2.	Sewa Tapak	75,651.95	16,796.00	49,546.00
3.	Sewa Rumah Kediaman	34,598.00	16,200.00	22,135.00
4.	Sewa Rumah Kedai	-	14,400.00	20,800.00
Jumlah		167,113.95	149,536.00	213,702.50

Carta 25:
Perbandingan Hasil Sewa Wakaf Am
bagi Tahun 2021, 2022 dan 2023



Carta 26:
Pecahan Hasil Sewa Wakaf Am Tahun 2023



2. LAPORAN HASIL PELABURAN

Pelaburan dibuat bertujuan untuk mengembang dana Kumpulanwang bagi membiayai perbelanjaan mengurus, membiayai projek-projek serta lain-lain perbelanjaan untuk faedah umat Islam.

2.1. Saham Syarikat

Sehingga 31 Disember 2023, MAIK merupakan pemegang saham didalam 2 syarikat MAIK iaitu RM250,000.00 dalam Syarikat Pengurusan Izzah Sdn Bhd dan Syarikat Lubitrade Sdn Bhd sebanyak RM100,000.00.

2.2. Saham Awam

Pelaburan MAIK di dalam saham awam adalah melalui 461,999 unit saham Bank Islam (M) Bhd dan Takaful Malaysia sebanyak 109,398 unit.

3. PENAMBAHBAIKAN TATACARA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

3.1 Pematuhan ke atas piawaian pelaporan kewangan

MAIK telah meluluskan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) secara berfasa, dimana pemakaian awal Fasa 1 – Pembentangan Penyata Kewangan bermula pada penyediaan penyata kewangan MAIK tahun 2021. Manakala bagi penyediaan penyata kewangan MAIK tahun 2022, fasa ke-2 – Aset telah digunapakai.

PPIBZW bertujuan untuk penyeragaman laporan kewangan dan perakaunan berkaitan aset, liabiliti, hasil dan belanja yang memenuhi kehendak Syariah dan dijadikan panduan kepada MAIN dan institusi yang diberi kuasa mengurus Baitulmal, Zakat dan Wakaf dalam menyediakan penyata kewangan tahunan.

3.2 Pemantapan pengurusan kewangan dengan "Standard Operation Prosedure" (SOP)

Pada tahun 2023, Bahagian Kewangan dan Pelaburan telah mengeluarkan "Standard Operation Procedure" (SOP) selaras dengan Pelan Perancangan Strategik 2021 - 2025 yang bertujuan bagi memantapkan pengurusan kewangan Majlis Negeri Kedah dengan menambahbaik tatacara dan aliran kerja kewangan yang sedia ada berlandaskan Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Antara SOP yang telah dikeluarkan adalah:-

i) SOP Bayaran
   a. Bayaran melalui Nota Minta
   b. Bayaran melalui Pesanan Kerajaan (LO)

Manakala SOP berikut masih dalam deraf penyediaan:-

i) SOP Perolehan
   a. Perolehan melalui Pembelian Terus
   b. Perolehan melalui Sebutharga
ii) SOP Hasil
   a. Penerimaan Hasil

4. AKTIVITI BAHAGIAN KEWANGAN

Aktiviti Bahagian Kewangan dan Pelaburan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

i) Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah di hantar pada 29 April 2023 dan "Entrance Audit" pada 17 Mei 2023. Manakala "Pre-exit Conference" telah diadakan pada 18 September 2023 yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Audit Negara (Kedah) dan dihadiri bersama Ketua-Ketua Bahagian Majlis dan Pegawai-pegawai dari Jabatan Audit Negara (Kedah), di Bilik Mesyuarat Saidina Abu Bakar, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman.

ii) *"Exit Conference"* Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 bersama Pengarah Audit Kewangan IV, Putrajaya, bersama Dato' Setiausaha Majlis, Ketua-Ketua Bahagian Majlis dan Pegawai Kanan Jabatan Audit Negara pada 27 September 2023.



iii) Bengkel Penyediaan Bajet 2024 Majlis Agama Islam Negeri Kedah pada 24 - 26 Januari 2023 di Raia Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah Darul Aman



iv) Bengkel Pengurusan Kewangan 2023 – "SPMB: Tatacara Pengurusan Kewangan & Perakaunan – Penyediaan, Semakan & Pelarasan" pada 19 – 21/07/2023 bertempat di Langkapuri Resort, Jalan Pantai Cenang, Langkawi.



5. PENCAPAIAN BAHAGIAN KEWANGAN DAN PELABURAN SEPANJANG TAHUN 2023

Pencapaian Bahagian Kewangan dan Pelaburan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

5.1. Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah mendapat Sijil "BERSIH".

6. PENUTUP

Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2023 adalah memuaskan kerana kebanyakan perbelanjaan bagi program yang dirancang dapat digunakan selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa. Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang sama-sama membantu kecemerlangan pencapaian pengurusan kewangan dan pembangunan pada tahun 2023 MAIK. Semoga kerjasama dan sokongan yang jitu ini dapat diteruskan bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan pada masa akan datang.

LAPORAN OPERASI

- BAITULMAL
- WAKAF
- PUSBA

BAITULMAL

PENGENALAN

Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah institusi unggul di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah berdasarkan Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008. Dengan semangat keunggulan, Baitulmal kini lebih komited dalam menguruskan harta-harta umat Islam, termasuk pengurusan pusaka, fidyah dan kafarah, Wang Tidak Patuh Syariah, Infaq Fisabilillah, serta Luqatah, sebagaimana yang diperincikan dalam Peraturan-Peraturan Baitulmal (Kedah Darul Aman) 2021.

Sejajar dengan aspirasi untuk mencapai keunggulan, Baitulmal sentiasa berinovasi dalam mencari sumber hasil baru untuk meningkatkan pendapatan yang akan diagihkan kepada golongan yang memerlukan. Pada tahun 2023, Baitulmal berjaya mendapatkan sumber pendapatan baru melalui caj perkhidmatan pengurusan fidyah. Hasil dari caj ini akan dikumpulkan dalam satu akaun khas dan disalurkan kepada mereka yang memerlukan melalui skim bantuan yang sudah sedia ada.

Selain itu, Baitulmal terus memacu langkah dalam pengagihan bantuan dengan menekankan aspek sosio-ekonomi. Ini termasuk bantuan seperti khemah niaga, kiosk niaga, motorsikal untuk OKU dan penghantar makanan yang kurang berkemampuan, serta bantuan mesin perniagaan. Setiap bantuan ini dirancang dengan teliti untuk membantu mereka yang memerlukan dalam mencari sumber pendapatan, yang secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan isi rumah mereka. Dengan ini, Baitulmal bukan sahaja berusaha untuk memenuhi keperluan semasa, tetapi juga untuk membawa perubahan positif ke arah keunggulan.

LAPORAN DAN AKTIVITI
BAITULMAL MAIK PADA TAHUN 2023

Laporan Terimaan Hasil Baitulmal Melalui Faraid Bagi Tahun 2023

Pentadbiran Baitulmal MAIK telah menerima hasil terimaan penjualan balik tanah yang diperolehi melalui faraid dan hasil sumber Am daripada JKPTG, pampasan pengambilan tanah, KWSP, Bank, ASB, ARB dan lain-lain. Jumlah hasil terimaan yang diperolehi ialah seperti yang dinyatakan di Jadual 1 dibawah.

BIL	TERIMAAN HASIL BAITULMAL	JUMLAH LOT	JUMLAH (RM)
1.	Hasil Sumber AM (KWSP,Bank,ASB,ARB,ASNB,Tabung Haji, Kenderaan, Emas Dan Wang Simpanan)	-	179,630.33
2.	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG)	21	162,413.15
3.	Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal dan Ketua Bahagian Baitulmal	38	1,245,466.34
		JUMLAH	**1,587,509.82**

Jadual 1

Laporan Terimaan dan Perbelanjaan Baitulmal 2023

PERUNTUKAN	HASIL (RM)	BELANJA (RM)	LEBIHAN/KURANGAN (RM)
Baitulmal	3,522,349.85	2,832,505.60	689,844.25
Fidyah dan Kafarah	6,910,006.55	4,210,697.80	2,699,308.75
Wang dan Harta Tidak Patuh Syariah	1,070,956.84	220,153.72	1,292,673.77
Infaq Fisabilillah	204,937.63	98,906.00	106,031.63

Laporan Agihan Bantuan Melalui Peruntukan Baitulmal Bagi Tahun 2023

BIL	BENTUK BANTUAN/ PROGRAM	KATEGORI	JUMLAH PENERIMA	LOKASI/ DAERAH	PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1.	Bantuan Perubatan	Pesakit Kronik/ Pembedahan/ Kemalangan/ Rawatan Susulan	340 Orang	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	154,324.00
2.	Bantuan kepada Pertubuhan Sukarela (NGO)	Fakir Miskin/ Terputus bekalan makanan	10 Agensi	Daerah Kota Setar, Sik, Kuala Muda, Baling dan Kubang Pasu	Baitulmal	60,000.00
3.	Bantuan Am	Fakir Miskin/ Ibu Tunggal/ Anak Yatim	291 Orang	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	139,600.00
4.	Bantuan Keagamaan	Masjid/Surau/ Sekolah Agama	9 Sekolah	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	78,840.00
5.	Bantuan Bencana Alam	Mangsa Kebakaran, Ribut dan Banjir	51 Keluarga 1 Sekolah, 1 Surau Dan 3 Masjid	Daerah Kota Setar, K.Pasu, Sik, Kulim, Yan Baling, Pokok Sena, Padang Terap dan Pendang	Baitulmal	173,300.00
6.	Bantuan Hari Raya Aidil Fitri 1445H/2023M	Fakir Miskin/ Ibu Tunggal/ Anak Yatim	3020 Orang	Masjid-masjid seluruh Negeri Kedah/Daerah Bandar Baharu/ Masjid Zahir	Baitulmal	612,000.00
7.	Pemberian Wang Saku (Peti Tunai)	Kecemasan	269 Orang	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	16,600.00
8.	Bantuan Hari Raya Aidil Adha 1445H/2023M	Pembelian 5 ekor lembu dan sumbangan kepada masjid Kg Labi, Kuala Nerang	Anak Kariah dan Masjid	Daerah Padang Terap	Baitulmal	40,000.00
9.	Sumbangan Pelajar Ke Luar Negara	Mesir dan Jordan	140 Orang	Yayasan Islam Negeri Kedah	Baitulmal	70,000.00
10.	Bantuan Kiosk Niaga	Peniaga-peniaga kecil	8 Orang	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	15,950.00
11.	Bantuan Khemah Niaga	Peniaga-peniaga kecil	95 Orang	Yayasan Islam Negeri Kedah	Baitulmal	45,600.00
12.	Bantuan Motosikal Niaga	2 Peniaga dan 6 orang OKU	8 Orang	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	50,260.00
13.	Pemberian Mengurus	Masjid/ surau/ Tanah Perkuburan	5 Masjid dan 9 Surau	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	101,000.00
					JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN BANTUAN BAITULMAL (RM)	**1,557,474.00**

LAPORAN AGIHAN BANTUAN MELALUI PERUNTUKAN FIDYAH / KAFARAH BAGI TAHUN 2023

BIL	BENTUK BANTUAN/ PROGRAM	KATEGORI	JUMLAH PENERIMA	LOKASI/ DAERAH	PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1.	Pemberian Wang Fidyah	Fakir Miskin/ Ibu Tunggal/ Anak Yatim	11,640 Orang	582 masjid Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	2,328,000.00
2.	Pemberian Wang Fidyah	Fakir Miskin/ Ibu Tunggal/ Anak Yatim	11,640 Orang (10 kg)	582 masjid Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	265,392.00
3.	Tajaan Makanan Kepada Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)	Pelajar (Anak Yatim/Fakir Miskin)	780 Orang	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	617,760.00
4.	Maahad Tahfiz	Pelajar (Anak Yatim/Fakir Miskin)	101 Buah Maahad Tahfiz	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	606,000.00
5.	Pondok	Pelajar (Anak Yatim/Fakir Miskin)	36 Buah Pondok	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	216,000.00
6.	Masjid Zahir	Fakir Miskin/ Ibu Tunggal/ Anak Yatim	31 Orang	Penduduk Kariah Masjid Zahir	Baitulmal	6,200.00
7.	S.K Darul Hikmah Pemberian Beras (10kg)	Kepada Pelajar (Anak Yatim/ Fakir Miskin)	30 Murid	Pelajar S.K Darul Hikmah	Baitulmal	1,311.00
8.	Bandar Baharu	Kepada Ibu Tunggal/Anak Yatim/Fakir Miskin	37 Orang	Seluruh Penduduk Daerah Bandar Baharu	Baitulmal	7,400.00
9.	Majlis Penyampaian Fidyah di Masjid Haji Ismail,Pulau Maharaja, Daerah Kubang Pasu, Kedah	Kepada Ibu Tunggal/Anak Yatim/Fakir Miskin	150 Murid	Daerah Kubang Pasu, Kedah	Baitulmal	50,736.00
10.	Sumbangan Sempena Bantuan Hari Raya Aidil Adha 1445H/2023M	Fakir Miskin/ Ibu Tunggal/ Anak Yatim	60 Orang	Anak Kariah Masjid Kg Labi	Fidyah	24,000.00
11.	Lain-lain Agihan	Fakir Miskin	-	-	Fidyah	87,898.80
					JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN FIDYAH (RM)	4,210,697.80

AGIHAN BANTUAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN WANG DAN HARTA TIDAK PATUH SYARIAH BAGI TAHUN 2023

BIL	BENTUK BANTUAN/ PROGRAM	KATEGORI	JUMLAH PENERIMA	LOKASI/ DAERAH	PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1.	Pemberian Kontena	Sekolah Rendah	1 Buah	SK Sri Gunung, Daerah Kota Setar	Baitulmal	12,000.00
2.	Pemberian Kontena	Sekolah Rendah	1 Buah	SK Pokok Sena Daerah Pokok Sena	Baitulmal	16,000.00
3.	Pemberian Kontena	Sekolah Rendah	1 Buah	SK Telok Kechai Daerah Kota Setar	Baitulmal	12,800.00
4.	Pemberian Kontena	Sekolah Rendah	1 Buah	SK Kurong Hitam Daerah Padang Terap	Baitulmal	12,800.00
5.	Pembaikan infra dan naik taraf	Masjid, surau, madrasah dan tanah perkuburan	4 Masjid 4 Surau 1 Madrasah	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	84,000.00
6.	Lain-lain Agihan	Pelbagai	-	-	Baitulmal	82,553.72
					JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN (RM)	**220,153.72**

AGIHAN BANTUAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN INFAQ FISABILILLAH BAGI TAHUN 2023

BIL	BENTUK BANTUAN/ PROGRAM	KATEGORI	JUMLAH PENERIMA	LOKASI/ DAERAH	PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1.	Projek Infaq Skim Pinjaman Buku Teks KAFA	Tahun 1 Sekolah Rendah	2,200 murid	Seluruh Negeri Kedah	Baitulmal	98,906.00
					JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN (RM)	**98,906.00**

RINGKASAN PERBELANJAAN

- Perbelanjaan Baitulmal = RM 1,557,474.00
- Perbelanjaan Wang Fidyah/Kafarah berjumlah = RM 4,210,697.80
- Perbelanjaan Wang Dan Harta Tak Patuh Syariah berjumlah = RM 220,153.72
- Perbelanjaan Infaq Fisabilillah berjumlah = RM 98,906.00

Jumlah keseluruhan agihan bantuan berjumlah = RM 6,087,230.72



JUMLAH KESELURUHAN
RM 6,087,230.72

AKTIVITI TAHUNAN BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

A | MAJLIS PENYAMPAIAN FIDYAH TAHUN 1444H/2023M ANJURAN BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah berkenan berangkat ke Masjid Haji Ismail, Padang Perahu Daerah Kubang Pasu bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Fidyah Bagi Tahun 1444H/2023 anjuran Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah mengagihkan Sumbangan Fidyah yang bernilai RM2,593,392.00 untuk diagihkan kepada 11,640 orang penerima melalui kerjasama jawatankuasa masjid seluruh Negeri Kedah bagi tahun ini. Selain itu, pihak Baitulmal juga dengan kerjasama Bahagian Pendidikan JHEAIK telah mengagihkan sebanyak RM491,040.00 kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan di Sekolah-Sekolah Agama Rakyat yang terpilih di negeri Kedah dalam bentuk tajaan makanan melalui peruntukan fidyah.Secara keseluruhannya bagi tahun 1444H, pentadbiran Baitulmal telah berjaya mengagihkan agihan fidyah kepada golongan sasaran ialah sebanyak RM3,135,222.00. Majlis ini merupakan simbolik kepada agihan fidyah daripada pihak Baitulmal MAIK.









B | MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI BAGI TAHUN 1444H/2023 ANJURAN BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah berkenan berangkat ke Dewan Seri Serdang, Bandar Baharu bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1444H/2023 anjuran Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah.Baginda berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1444H kepada 160 orang penerima yang terdiri daripada seluruh penerima terpilih di daerah Bandar Baharu. Majlis sumbangan yang diadakan ini merupakan simbolik kepada agihan sumbangan Hari Raya Aidilfitri oleh pihak Baitulmal. Pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah mengagihkan Sumbangan Bantuan Hari Raya Aidilfitri yang bernilai RM622,000.00 untuk diagihkan kepada 2,990 orang penerima melalui kerjasama jawatankuasa masjid seluruh Negeri Kedah bagi tahun ini.









C | MAJLIS PENYERAHAN DAGING KORBAN DAN SUMBANGAN BAITULMAL BAGI TAHUN 1444H/2023M

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah dan anakanda, Yang Teramat Mulia Tunku Sulaiman Badlishah Bin Tuanku Sarafudin Badlishah berkenan berangkat ke Masjid Al Halimi, Kampung Labi, Kuala Nerang Kedah untuk menyempurnakan Majlis Penyerahan Daging Korban Dan Sumbangan Baitulmal Bagi Tahun 1444H/2023M. Pihak Baitulmal turut menyumbang 5 ekor lembu yang bernilai RM40,000.00 untuk diagihkan kepada masyarakat setempat dan wang tunai sebanyak RM400.00 kepada 60 orang penerima yang terpilih.









AGIHAN BANTUAN BAITULMAL MAIK
BAGI TAHUN 2023

EKONOMI

A | SUMBANGAN MOTOSIKAL

Pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah mengambil inisiatif dengan memberikan sumbangan motosikal kepada golongan yang memerlukan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan fakir miskin dalam usaha untuk membantu mereka menggunakan motosikal tersebut bagi menjana ekonomi keluarga. Untuk tahun 2023, pihak Baitulmal telah mengagihkan sebanyak 8 unit motosikal yang berjumlah RM50,260.00. Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Wira Syeikh Yahaya bin Jusoh, Timbalan Yang Dipertua MAIK dan turut disaksikan oleh Tuan Syeikh Ahmad Zaki Bin Haji Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal.









B | SUMBANGAN KIOSK NIAGA KEPADA PENJAJA KECIL

Pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah menyampaikan sumbangan kiosk niaga kepada peniaga-peniaga yang terpilih untuk membantu para peniaga di Negeri Kedah bagi menjana pendapatan di samping dapat meningkatkan tahap sosio ekonomi para peniaga. Majlis sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Syeikh Ahmad Zaki bin Haji Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal. Bagi tahun 2023 sebanyak 8 unit kiosk telah berjaya di agihkan dan kos yang diperuntukan ialah sebanyak RM15,950.00.









C | SUMBANGAN KHEMAH NIAGA KEPADA PENJAJA KECIL

Pihak Baitulmal telah memperuntukan sebanyak RM45,600.00 bagi tujuan pembelian 95 unit khemah niaga untuk diagihkan kepada golongan peniaga-peniaga kecil yang terpilih di Negeri Kedah. Khemah tersebut telah diagihkan kepada golongan sasaran dan diantaranya diagihkan melalui kerjasama Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS).







D | SUMBANGAN MESIN PENGUPAS TEMPURUNG KELAPA

Penyerahan mesin pengupas tempurung kelapa sumbangan Baitulmal kepada En. Mohd Asnawi Asyraf bin Ishak. Beliau bersama ibunya mengusahakan kedai memproses dan menjual santan di Pekan Kerpan, Air Hitam.





SOSIAL

A | MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN FIDYAH DAN BANTUAN PERSEKOLAHAN

Pentadbiran Masjid Zahir, Alor Setar telah menganjurkan Majlis Penyerahan Bantuan Fidyah Dan Bantuan Persekolahan pada 14 Mac 2023. Tuan Syeikh Muhammad Suhaimi Bin Zulkiflee, Ketua Unit Tabung Amanah Baitulmal Kedah telah hadir ke majlis tersebut mewakili Ketua Bahagian Baitulmal untuk menyerahkan bantuan fidyah kepada 31 orang anak kariah Masjid Zahir. Di majlis tersebut pihak Baitulmal telah memperuntukan sebanyak RM6,200.00 berbentuk wang tunai dan beras untuk diagikan kepada penerima.







B | PROJEK SKIM BANTUAN MAKANAN KEPADA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT

Projek ini merupakan jaringan kerjasama strategik antara Baitulmal MAIK dan Bahagian Pendidikan JHEAIK dalam menyantuni pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) terpilih.Melalui program ini, seramai kira-kira 780 pelajar yang berkelayakan mendapat manfaat pembiayaan yuran atau kos bayaran makanan sepanjang sesi persekolahan bagi 1 tahun 2023 melalui peruntukan agihan fidyah Baitulmal.






C | BANTUAN KEPADA GELANDANGAN / FAKIR MISKIN

Pada tahun 2023, pentadbiran Baitulmal telah memperuntukan sebanyak RM60,000 untuk diagihkan kepada gelandangan atau fakir miskin di sekitar Negeri Kedah. Agihan bantuan tersebut akan diagihkan melalui kerjasama bersama NGO untuk disalurkan kepada golongan gelandangan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pihak Baitulmal bersama Food Bank Malaysia sama-sama turun padang untuk menjejaki gelandangan yang berada di kawasan Alor Setar dan Sungai Petani, Kedah. Program lawatan mengagihkan bantuan kepada gelandangan ini berlangsung antara jam 10.00 malam sehingga 3.00 pagi dan hanya berjaya menemui 20 orang gelandangan yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum dalam satu malam.





D | SUMBANGAN BUBUR LAMBUK KEPADA MASJID HOSBA, JITRA BERSAMA DYTM RAJA MUDA KEDAH

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah perkenan berangkat ke Program Memasak dan Menyerahkan Bubur Lambuk di Masjid Bani Hashim dan Bazar Ramadan Taman Seri Aman, di sini, hari ini. Majlis yang dianjurkan pada 06 April 2023 oleh Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kedah dan Kesatuan Penggawa Penghulu Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri Kedah itu turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Dato' Norizan Khazali; Pegawai Daerah Kubang Pasu, Yang Berbahagia Tuan Muhamad Mahazi Ibrahim; Yang Dipertua Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kedah, Dato' Abdul Gafar bin Yahya dan Pengerusi Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri Kedah, Jamani bin Jamaludin. DYTM Raja Muda Kedah turut berkenan menyampaikan sumbangan daripada Baitulmal MAIK kepada pihak Masjid sebanyak RM5,000.00.





E | SUMBANGAN BANTUAN KEPADA PENERIMA BANTUAN KEPERLUAN KHAS PESAKIT TERLANTAR (BKPT) NEGERI KEDAH

Ketua Bahagian Baitulmal, Syeikh Ahmad Zaki Bin Haji Ghazali bersama-sama Yang Berhormat Dato Hajjah Halimaton Shaadiah binti Saad, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga & Masyarakat dan Perpaduan Negeri Kedah turun padang untuk menyampaikan sumbangan Baitulmal kepada penerima sempena Program Lawatan Turun Padang Penerima Bantuan Keperluan Khas Pesakit Terlantar (BKPT) Negeri Kedah.





PENDIDIKAN

A | SUMBANGAN BAITULMAL MAIK KEPADA PELAJAR YANG AKAN MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR DAN JORDAN.

Pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM500.00 untuk diagihkan kepada 140 orang pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Negeri Kedah Darul Aman yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir dan Jordan. Jumlah keseluruhan sumbangan yang diagihkan ialah sebanyak RM70,000.00. Sumbangan kepada pelajar ke Mesir telah disampaikan oleh Yang Berhormat Ustaz Azam Bin Abd Samat Exco Agama, Pendidikan Dan Sumber Manusia Negeri Kedah Darul Aman manakala sumbangan kepada pelajar ke Jordan telah disampaikan oleh Tuan Syeikh Ahmad Zaki bin Haji Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah.









B | PROGRAM SULAMAN KOMUNITI - MENYATUKAN HATI MELALUI IKATAN KASIH ANJURAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DENGAN KERJASAMA BAITULMAL MAIK TELAH DIADAKAN DI RUMAH PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK YATIM UMU SABARIAH, BALING

Program yang diadakan oleh pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Baitulmal MAIK adalah bertujuan untuk menyatukan hati melalui ikatan kasih di Rumah Pertubuhan Anak Yatim Umu Sabariah, Baling. Program yang menyasarkan seramai 50 orang peserta itu berlangsung pada 15 Julai 2023. Pihak Baitulmal turut serta menyampaikan sumbangan bakul makanan dan beras kepada peserta yang terlibat.





AKTIVITI **BAITULMAL**

1 | MESYUARAT JAWATANKUASA BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah perlu bersidang sekurang-kurangnya 4 kali setahun akan membincangkan hala tuju pentadbiran Baitulmal MAIK seperti yang termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Baitulmal (Kedah Darul Aman) 2021 bagi memastikan pentadbiran Baitulmal dapat diuruskan dengan cemerlang. Berikut merupakan jadual mesyuarat diadakan bagi tahun 2023:

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah Kali 1 tahun 2023	31 Mei 2023	Bilik mesyuarat MAIK
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah Kali 2 tahun 2023	10 September 2023	Bilik mesyuarat MAIK
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah Kali 3 tahun 2023	31 Oktober 2023	Bilik mesyuarat MAIK
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah Kali 4 tahun 2023	19 Disember 2023	Bilik mesyuarat MAIK





2 | PAMERAN SKIM PERKHIDMATAN BAITULMAL

Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak Baitulmal untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat di Negeri Kedah ialah melalui pameran perkhidmatan Baitulmal. Melalui pameran ini banyak pendedahan berkaitan perkhidmatan Baitulmal disampaikan kepada masyarakat. Berikut merupakan jadual pameran perkhidmatan Baitulmal yang dilaksanakan oleh Bahagian Baitulmal pada tahun 2023.

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Pameran berkaitan perkhidmatan Baitulmal MAIK	Sebulan sekali	UTC Alor Setar
2.	Pameran berkaitan perkhidmatan Baitulmal MAIK	Sebulan sekali	UTC Sungai Petani
3.	Pameran berkaitan perkhidmatan Baitulmal MAIK	07 November 2023	Universiti Utara Malaysia







3 | KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT EXCO AGAMA NEGERI KEDAH

Kunjungan hormat Baitulmal MAIK yang diketuai Syeikh Ahmad Zaki Bin Haji Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal ke Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Agama, Komunikasi & Penerangan, Yang Berhormat Ustaz Mohd Azam Bin Abd Samat adalah bertujuan untuk memberi sedikit penerangan berkaitan peranan Baitulmal dalam pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah khususnya dalam pengurusan yang melibatkan agihan bantuan, pengurusan Faraid dan lain-lain.





4 | KUNJUNGAN KE TAKAFUL MALAYSIA ALOR SETAR

Kunjungan kakitangan Baitulmal ke Syarikat Takaful Malaysia Alor Setar untuk berbincang dan bertukar- tukar pandangan berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kedua-dua agensi.



5 | KUNJUNGAN KE PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) SEBERANG KOTA KUALA KEDAH

Kunjungan kakitangan Baitulmal ke Pusat Komuniti Desa (PKD) Seberang Kota, Kuala Kedah membincangkan perancangan program kerjasama pada tahun 2023.



6 | PERJUMPAAN BERSAMA KAKITANGAN MAIK DI DAERAH

Perjumpaan Ketua Bahagian Baitulmal bersama Pegawai Seranta Majlis (PSM) bagi menambahbaik pengurusan perkhidmatan Baitulmal kepada masyarakat khususnya dalam pengurusan agihan Fidyah dan bantuan Baitulmal di peringkat daerah-daerah. Perbincangan ini diadakan di Bilik Mesyuarat MAIK pada 09 November 2023.



7 | SEMINAR TABUNG WAKAF DAN PERKHIDMATAN BAITULMAL

Pentadbiran Baitulmal bersama-sama Bahagian Wakaf MAIK telah menganjurkan Seminar Tabung Wakaf & Perkhidmatan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Peringkat Daerah Kepada Imam dan Jawatankuasa Masjid. Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan lebih terperinci kepada pegawai-pegawai masjid selaku orang tengah di antara pihak MAIK dan masyarakat di dalam kariah masjid masing-masing. Berikut merupakan siri seminar yang telah dilaksanakan di 3 daerah dalam Negeri Kedah:

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK peringkat daerah Kota Setar	27 Julai 2023	Masjid Al Hasanah, Dewan Rakyat Mergong
2.	Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK peringkat daerah Kubang Pasu	07 September 2023	Masjid Al Shahab, Kepala Batas Kubang Pasu
3.	Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK peringkat daerah Baling	25 Oktober 2023	Kompleks Belia dan Sukan Baling







8 | SEMINAR KENALI EMAS

Pihak Baitulmal dengan kerjasama pihak Ar-Rahnu YaPIEM telah menganjurkan Seminar Kenali Emas pada 03 Oktober 2023. Program yang julungkali dianjurkan ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kakitangan MAIK untuk mengenali ketulenan emas dalam mengendalikan perkhidmatan Wakaf Emas dan Luqatah (barang yang tercicir). Pengisian seminar disampaikan oleh En. Izaidy bin Hanafi, Ketua Seksyen Pengurusan Pemasaran Ar-Rahnu YaPIEM Zon Utara.





9 | KUNJUNGAN KE PUSAT PEMULIAAN AL-QURAN DARUL KALAM, JAWI

Kunjungan ke Pusat Pemuliaan Al-Quran Darul Kalam yang diuruskan oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) adalah untuk mendapatkan buah fikiran bagi mewujudkan pusat pelupusan Al Quran di Negeri Kedah. Kunjungan yang diadakan pada 18 Oktober 2023 disambut oleh Pn. Anisah Musa bersama beberapa kakitangan yang lain. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat dan perkongsian berkaitan penubuhan pusat dan operasi yang dijalankan oleh Pusat Pemuliaan Al-Quran Darul Kalam.









10 | KUNJUNGAN HORMAT KE MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Kunjungan hormat daripada kakitangan MAIK yang berlangsung pada 17 dan 18 Oktober 2023 ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan buah fikiran di dalam pengurusan perkhidmatan Hibah dan Wasiat yang telah dilaksanakan oleh pihak MAIS dan MAINS. Pentabiran Baitulmal dalam tindakan untuk mewujudkan Skim Perkhidmatan Hibah dan Wasiat di Negeri Kedah.









11 | MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR DAERAH MUAR

Pentadbiran Baitulmal MAIK telah menerima kunjungan hormat dari Majlis Agama Islam Negeri Johor Daerah Muar pada 07 September 2023.Lawatan kerja yang diketuai oleh Ust. Muhammed Azrul bin Taib, selaku Amin Baitulmal MAIJ Daerah Muar adalah untuk melihat dan bertukar-tukar pandangan berkaitan pengurusan serta perkhidmatan Baitulmal oleh kedua-dua pihak.





12 | MAJLIS HI-TEA BAITULMAL 2023 BERSAMA RAKAN STRATEGIK & MEDIA

Program julungkalinya dianjurkan oleh Baitulmal sebagai salah satu institusi yang terlibat secara tidak langsung dalam pembangunan sosio ekonomi masyarakat Islam di Negeri Kedah. Program yang berlangsung pada 20 September 2023 ini adalah bertujuan sebagai satu platform untuk membina jaringan strategik dan silaturrahim antara agensi melibatkan agensi kerajaan, institusi perbankan, takaful, dan pertubuhan bukan kerajaan.Pihak Baitulmal berharap program yang diadakan pada hari ini akan menarik minat agensi luar dan pemain industri untuk berkolaborasi bersama Baitulmal sama ada dalam bentuk fizikal, modal insan atau suntikan dana yang diyakini mampu memberikan kesan positif terhadap sosio ekonomi golongan sasaran di Negeri Kedah.





24 NASIONAL
SINAR HARIAN • JUMAAT 22 SEPTEMBER 2023
Sinar Harian
TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Jaringan strategik diperkasa

Baitulmal Maik tarik minat agensi luar jalin kerjasama

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah (Maik) terus membina jaringan bersama rakan strategik bagi menarik minat agensi luar untuk melaksanakan kerjasama dalam bentuk fizikal, modal insan atau suntikan sumber dana.

Timbalan Yang Dipertua Maik, Datuk Syeikh Yahaya Jusoh berkata, jalinan kerjasama itu diyakini mampu memberikan impak positif terhadap sosioekonomi golongan sasaran di negeri ini.

Menurutnya, Baitulmal Maik beroperasi dengan 11 kakitangan dan dibantu oleh seorang kakitangan Maik yang ditempatkan di setiap Pejabat Agama Daerah seluruh Kedah.

"Baitulmal Maik terdiri daripada empat unit iaitu Unit Tanah, Unit Faraid, Unit Bantuan dan Unit Tabung Amanah Baitulmal Kedah (TABK).

"TABK ini dahulu dikenali sebagai Amanah Baitulmal Kedah (ABK) yang telah diberikan nafas baharu bermula pada 1 Oktober bagi mempelbagaikan sumber baitulmal dan meningkatkan perolehan hasilnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar Majlis Hi-Tea Baitulmal 2023 bersama Rakan Strategik dan Media yang turut dihadiri Ketua Bahagian Baitulmal Maik, Syeikh Ahmad Zaki Ghazali di sini pada Rabu.

Syeikh Yahaya berkata, tujuan Unit TABK ditubuhkan adalah untuk menyediakan perkhidmatan baitulmal iaitu fidyah dan kafarah, pengurusan harta dan wang tidak patuh syariah, sumbangan atau infak fisabilillah dan luqatah (wang atau harta tercicir).

Menurutnya, objektif TABK adalah meneroka hasil baharu bagi baitulmal bertandaskan hukum syarak serta menggalakkan masyarakat untuk berinfak dalam bentuk baharu seperti khidmat pesanan ringkas (SMS), pindahan akaun bank dan potongan gaji.

"Objektif ini juga bagi memudahkan masyarakat melaksanakan kaedah pengurusan yang lebih sistematik dan sebagai tempat rujukan, perundingan serta khidmat nasihat kepada masyarakat," katanya.



Sebahagian daripada 80 wakil rakan strategik yang menghadiri Majlis Hi-Tea Baitulmal 2023 anjuran Baitulmal Maik di sebuah hotel di Alor Setar pada Rabu.

Tambahnya, kesedaran orang ramai juga semakin meningkat berdasarkan kutipan skim TABK yang meningkat sejak beberapa tahun lalu.

Sebagai contoh, katanya, kutipan fidyah direkodkan sebanyak RM3,439,029.93 pada 2021 diikuti RM3,497,567.79 pada 2022 dan RM2,991,053.41 setakat 15 September 2023.

Beliau berkata, perkara sama dapat dilihat pada kutipan wang tak patuh syariah iaitu RM190,866.30 pada 2021 diikuti RM287,455.90 pada 2022 dan RM399,098.77 setakat 15 September 2023.

Kutipan bagi Luqatah pula adalah RM4,966 pada 2021, RM36,757.20 (2022) dan RM53,368 (setakat 15 September 2023) manakala kutipan bagi infak fisabilillah RM59,358.50 pada 2021, RM98,052.94 (2022) dan RM24,619.10 setakat 15 September 2023.

13 | KERJASAMA BERSAMA AGENSI DAN NGO

A | SUMBANGAN BANTUAN MAKANAN KEPADA FAKIR MISKIN MELALUI NGO

Pihak Baitulmal turut menyampaikan bantuan makanan melalui Kafe Makanan Percuma yang diuruskan oleh Kindness Malaysia. Bantuan tersebut disasarkan kepada golongan Gelandangan, Warga Emas, Asnaf dan Ibu Tunggal serta Fakir Miskin yang terdapat sekitar Alor Setar yang akan diadakan pada setiap hari rabu, jumaat dan sabtu setiap minggu.







26 NEGERI
SINAR HARIAN • SABTU 11 NOVEMBER 2023
Sinar Harian PERAK KEDAH

Makan percuma tiga hari seminggu

Pertubuhan Bank Makanan Malaysia bantu golongan memerlukan makan secara percuma

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
ALOR SETAR

Pertubuhan Bank Makanan Malaysia membuka Kafe Makan Percuma di Jalan Sultanah, di sini, demi memberi sehaluan kepada orang ramai khususnya golongan memerlukan menikmati hidangan tanpa sebarang bayaran sejak tahun 2020.

Pengasasnya, Mohd Azrul Mohd Razak berkata, kafe yang menyediakan aneka makanan seperti nasi, lauk-pauk, sayur-sayuran, kuih-muih, buah-buahan dan bubur ifu hanya beroperasi pada waktu tengah hari setiap hari Rabu sebelum ini.

Bagaimanapun, sehubung kini membuka Kafe Makan Percuma selama tiga hari dalam seminggu atas sumbangan dan permintaan golongan memerlukan.

"Pada hari Rabu, kami menyediakan makanan tengah hari percuma antara jam 1 tengah hari hingga 2 petang, manakala sarapan pagi percuma disediakan antara jam 10.30 pagi hingga 11.30 pagi pada Jumaat dan Sabtu.

"Kami tidak menetapkan sebarang had individu dan sesiapa sahaja boleh datang makan di sini," katanya ketika ditemui pada Jumaat.

Baliau menjelaskan, pengunjung boleh datang terus tanpa ada sebarang proses pendaftaran untuk menikmati aneka hingga enam jenis makanan yang disediakan secara percuma.

"Selain daripada itu, makanan disediakan dengan kerjasama Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Kelab Komuniti Six Lotus's Malaysia, Hotel Seri Malaysia dan Yayasan Basikan Mohamad akan hadir kerana menerima kunjungan ramai dalam satu-satu masa," katanya.

Beliau menambah, pihaknya juga menerima sumbangan bahan mentah selain wang tunai dan terus menjayakan Kafe Makan Percuma itu.

Dalam perkembangan sama Mohd Azrul berkata, pertubuhan itu turut menerbitkan mesin ketoh bagi membantu menyediakan makanan yang dimakan.

"Antara lain, sumbangan terbaru boleh membantu golongan ibu tunggal meringankan beban pendapatan mereka," katanya.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan melalui akaun Maybank 5620 9023 8240 atas nama Pertubuhan Bank Makanan Malaysia.

Mohd Azrul (kiri) bersama kakitangan Hotel Seri Malaysia bekerjasama mengadakan Kafe Makan Percuma di Jalan Sultanah, Alor Setar pada Jumaat

Kafe Makan Percuma menyediakan hidangan tengah hari percuma

B | SUMBANGAN BAKUL MAKANAN MELALUI KERJASAMA BAITULMAL & YAPIEM

Penyerahan 100 set bakul Food Bank YaPIEM oleh pihak YaPEIM Zon Utara untuk diagihkan kepada golongan sasaran. Simbolik penyampaian bakul makanan tersebut diserahkan kepada Syeikh Ahmad Zaki Bin Haji Ghazali, Ketua Bahagian Baitulmal MAIK untuk diagihkan kepada golongan sasaran di Negeri Kedah.







14 | PENYERAHAN SUMBANGAN BAKUL BANTUAN BAITULMAL SEMPENA PROGRAM RAKAN SETIA KOMUNITI KLIEN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) NEGERI KEDAH ANJURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Pihak Baitulmal turut menyampaikan 50 set sumbangan bakul makanan dan beras kepada penerima melalui Program Rakan Setia Komuniti Klien Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kedah yang dianjurkan oleh pihak JAKIM. Program yang dianjurkan pada 19 Ogos 2023 itu diadakan di Pusat Latihan AADK Daerah Sungai Petani, Kedah. Agihan bakul makanan tersebut diserahkan oleh Ustazah Norhayati Binti Aziz kepada En Ammar bin Yusof, Pegawai daripada JAKIM.



WAKAF

JUMLAH PENDAFTARAN TANAH WAKAF AM, **KHAS DAN TANAH KERAJAAN BAGI TAHUN 2023**

Pada tahun 2023, pendaftaran hartanah wakaf ke atas nama MAIK adalah berjumlah 62 Lot pendaftaran dan berkeluasan 52.98021 hektar. Pendaftaran hartanah wakaf MAIK telah berlaku peningkatan yang drastik menjadikan keseluruhannya yang diuruskan oleh Bahagian Wakaf MAIK sejak awal penubuhan berjumlah 2326 Lot yang berkeluasan 1802.33 hektar.

Pencapaian prestasi pendaftaran hartanah wakaf bagi tempoh ini adalah termasuk pendaftaran wakaf yang diterima pada tahun-tahun sebelum dan proses pendaftaranya selesai pada tahun ini. Jadual dibawah menerangkan secara terperinci peningkatan tanah wakaf individu dan tanah kerajaan bagi setiap daerah sepanjang tahun 2023. Berikut jumlah pendaftaran tanah wakaf individu dan tanah kerajaan yang diterima sepanjang tahun 2023.

PENERIMAAN TANAH WAKAF 2023



LAPORAN SKIM DANA WAKAF TUNAI MAIK MELALUI POTONGAN GAJI

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah bersetuju untuk melaksanakan potongan gaji kakitangan awam Kerajaan Negeri Kedah, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kedah (GLC) dan kakitangan penjawat awam Persekutuan dalam Skim Dana Wakaf Tunai di Negeri Kedah. Bahagian wakaf mengambil inisiatif untuk mewujudkan skim potongan gaji bulan bagi memudahkan orang awam berwakaf secara potongan gaji bulanan. Kutipan Skim Dana Wakaf Tunai ini dijangka akan membantu Majlis Agama Islam Negeri Kedah dalam membangunkan tanah-tanah wakaf di bawah projek ekonomi dan sosial umat islam di Negeri Kedah.

AGENSI	JUMLAH PEWAKAF	JUMLAH POTONGAN
Kerajaan Negeri	485	RM53,861.00
Badan Berkanun	157	RM21,653.60
Goverment Link Company (GLC)	121	RM30,534.00
Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)	120	RM40,881.94
JUMLAH KESELURUHAN	**883**	**RM146,930.54**

LAPORAN SKIM DANA WAKAF TUNAI BAGI TAHUN 2023

Majlis Agama Islam Negeri Kedah melalui bahagian wakaf telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Skim Dana Wakaf Tunai MAIK. Langkah ini diambil bagi membolehkan MAIK mengorak langkah ke hadapan dalam memastikan hartanah wakaf di Negeri Kedah dibangunkan seiring dengan peredaran masa . Bahagian wakaf telah mengubah corak kutipan dengan menggunakan perkhidmatan atas talian. Kini, pewakaf di Negeri Kedah boleh berwakaf hanya di hujung jari.

Penerimaan sumbangan wang wakaf tunai di Majlis Agama Islam Negeri Kedah pada tahun 2023 berjumlah RM3,398,686.59. Kutipan wakaf tunai pada tahun 2023 telah melonjak naik berbanding tahun 2022 sebanyak RM2,183,109.16. Laporan Skim Dana Wakaf Tunai bagi tahun 2023 seperti berikut:

BIL	BUTIRAN SKIM DANA WAKAF TUNAI	JUMLAH KUTIPAN
1.	Wakaf Tunai (umum)	RM1,502,035.74
2.	Pembinaan Masjid Hujung Keton (ditutup)	RM106.00
3.	Pelaburan Wakaf Tunai	RM100,000.00
4.	Pembinaan Masjid Jamek Al-Hidayah Bendang Cherok	RM510,387.00
5.	Pembinaan Masjid Daerah Kulim	RM511,755.64
6.	Pembinaan Masjid Jamiul Khair, Tong Pelu	RM111,634.00
7.	Pembinaan Tapak Perkuburan Taman Uda	RM402,294.06
8.	Pembinaan Masjid Al-Muqarrabin Taman Angsana, Kulim	RM113,731.93
9.	Pembinaan Masjid As-Syakirin, Kuala Muda	RM143,389.22
10.	Pembinaan Bangunan tambahan SMA Tarbiah Diniah, Kulim	RM3,353.00
	JUMLAH KESELURUHAN	**RM3,398,686.59**

PENERIMAAN SUMBANGAN WAKAF TUNAI







PROJEK EKONOMI DI ATAS TANAH WAKAF YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2023

Projek Pembangunan Ekonomi merupakan inisiatif Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) di dalam mencari sumber pendapatan baharu kepada MAIK serta membantu masjid bagi menjana pendapatan tambahan.

PROJEK	LOKASI
PROJEK TANAMAN NENAS DAN TEBU	Masjid Keda Sungai Udang, Yan. • Projek ini telah dilaksanakan oleh pihak Jawatankuasa Masjid KEDA Sungai Udang yang berkeluasan 1.62640H





PROJEK	LOKASI
PROJEK TANAMAN SAWIT	Masjid Al-Muhtadin, Sg. Seluang, Pendang. • Projek ini telah dilaksanakan oleh pihak Jawatankuasa Masjid Al- Muhtadin yang berkeluasan 2.138h





PROJEK	LOKASI
PROJEK TANAMAN SAWIT	Masjid Merbau Kudung, Sik. • Projek ini telah dilaksanakan oleh pihak Jawatankuasa Masjid Merbau Kudung yang berkeluasan 0.7515h





LAPORAN HARTANAH WAKAF YANG **DISEWAKAN PADA TAHUN 2023**

Hartanah Wakaf yang terdapat di Negeri Kedah kebanyakannya adalah tanah Wakaf Khas seperti tapak perkuburan, tapak masjid, sekolah dan lain-lain yang mempunyai tujuan khas. Sebahagian tanah wakaf telah dibangunkan oleh jawatankuasa masjid dengan kerjasama MAIK bagi tujuan menjana hasil pendapatan kepada masjid. Pada tahun 2023, wujud pertambahan tanah wakaf yang telah disewakan di seluruh daerah Negeri Kedah. Jadual di bawah menunjukkan jumlah keseluruhan tanah wakaf yang disewakan bagi menjana hasil pendapatan kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah untuk digunakan semula bagi tujuan membiayai projek-projek sosial dan ekonomi.

Tanah wakaf am dan wakaf khas yang disewa seperti berikut:

WAKAF AM

BIL	DAERAH	BENDANG	TAPAK	RUMAH KEDAI	RUMAH KEDIAMAN
1.	Kota Setar	11	4	4	5
2.	Kubang Pasu	24	2	-	1
3.	Pokok Sena	-	3	2	-
4.	Yan	12	-	-	-
5.	Kuala Muda	1	-	-	-
6.	Pendang	-	-	-	-
7.	Padang Terap	-	-	-	-
8.	Langkawi	-	1	-	-
9.	Bandar Baharu	-	-	-	-
10.	Baling	-	1	-	-
11.	Kulim	-	2	-	-
12.	Sik	-	-	-	-
JUMLAH		**48**	**13**	**6**	**6**

Pada tahun 2023, terdapat pertambahan penyewaan bagi keseluruhan aset wakaf termasuklah tanah bendang, sewaan tapak wakaf, rumah kedai dan rumah kediaman. Bagi penyewaan tanah bendang terdapat pertambahan 3 penyewa baharu bagi daerah Kota Setar. Manakala, bagi sewaan tapak, berlaku pertambahan sebanyak 6 tapak tanah wakaf yang telah disewakan bagi daerah Pokok Sena, Kota Setar dan Kubang Pasu. Bagi sewaan rumah kedai, terdapat pertambahan penyewa bagi daerah Kota Setar dan Pokok Sena sebanyak 5 penyewa baharu. Bagi rumah sewaan rumah kediaman, terdapat pertambahan sebanyak 2 penyewa baharu di Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu.

WAKAF KHAS

BIL	DAERAH	BENDANG	TAPAK	RUMAH KEDAI	RUMAH KEDIAMAN
1.	Kota Setar	21	7	4	0
2.	Kubang Pasu	25	5	1	0
3.	Pokok Sena	1	2	3	-
4.	Yan	10	1	3	-
5.	Kuala Muda	5	23	17	-
6.	Pendang	1	3	4	-
7.	Padang Terap	-	1	2	-
8.	Langkawi	-	3	4	-
9.	Bandar Baharu	-	-	5	-
10.	Baling	-	2	1	-
11.	Kulim	-	15	-	-
12.	Sik	-	15	4	-
JUMLAH		**63**	**74**	**48**	**0**

Pada tahun 2023, berlaku pertambahan penyewaan bagi sewaan tapak sebanyak 22 tapak yang telah berjaya disewakan kepada syarikat dan individu. Bagi penyewaan bendang, tiada sebarang pertambahan atau pengurangan bilangan bendang yang disewakan. Manakala, bagi penyewaan rumah kedai atau Bazar Wakaf, berlaku pertambahan penyewaan sebanyak 11 yang telah berjaya disewakan.

AKTIVITI BAHAGIAN WAKAF
TAHUN 2023

PENERIMAAN LAFAZ WAKAF AM DAN KHAS DI PEJABAT AGAMA DAERAH



17 April 2023

- Lafaz wakaf di hadapan Pegawai Agama Daerah Baling bagi maksud tapak perkuburan tambahan Kg Baru Pekan Lama Kuala Ketil dengan pewakaf di kediaman pewakaf di Hulu Langat, Selangor. Lafaz wakaf telah sempurna dihadapan saksi dari kakitangan Pejabat Agama Daerah Baling.



18 April 2023

- Lafaz wakaf di hadapan Pegawai Agama Daerah Kota Setar oleh enam (6) orang pewakaf bagi maksud kegunaan Pusat Pengajian Islam (Maahad Bustan Al-Ariffin). Lafaz wakaf telah sempurna di lafazkan dihadapan saksi dari kakitangan Pejabat Agama Daerah Kota Setar.



14 Mei 2023

- Lafaz wakaf di hadapan Pegawai Agama Daerah Kulim bagi maksud tapak surau Al-Falahiah dan tapak surau Hj Abu Sidam kanan. Lafaz wakaf telah disempurnakan dihadapan saksi dari kakitangan Pejabat Agama Daerah Kulim.



13 Jun 2023

- Lafaz wakaf khas oleh Puan Nawal (Peguam MAIK) dan 9 orang pewakaf di hadapan Pegawai Agama Daerah Kuala Muda bagi maksud tapak surau Kg Jelatang, Gurun yang telah sempurna di lafazkan dihadapan saksi dari kakitangan Pejabat Agama Daerah Kuala Muda.



4 Julai 2023

- Lafaz wakaf oleh Encik Omar Bin Ismail di hadapan Pegawai Agama Daerah Yan bagi maksud kegunaan Masjid Syarifah Zahrah Kariah Kubang Pasu Daerah Yan Kedah yang telah sempurna di lafazkan dihadapan saksi dari kakitangan Pejabat Agama Daerah Yan.

LAWATAN TAPAK WAKAF



10 Julai 2023

- Lawatan Dato' Mufti Negeri Kedah bersama Pejabat Agama Daerah Kuala Muda bagi membincangkan mengenai isu keperluan untuk pemindahan kubur bagi tujuan pembinaan jalan di daerah Kuala Muda.



2 Ogos 2023

- Lawatan Dato Mufti Negeri Kedah ke Masjid Al-Furqa Sungai Ular. Lawatan ini diadakan bagi perbincangan mengenai permohonan pembinaan sebuah masjid baharu daerah Kulim.



13 September 2023

- Lawatan Ketua Bahagian Wakaf MAIK ke rumah anak yatim di Teluk Teduri, Baling.



18 September 2023

- Kerja-kerja penentuan sempadan dan penandaan (packing) bagi tujuan permohonan tanah untuk kegunaan Masjid Charok Nau, daerah Baling.

PROGRAM BERSAMA **MASYARAKAT**

SEMINAR TABUNG WAKAF DAN PERKHIDMATAN MAIK

Bahagian Wakaf dengan kerjasama bahagian Baitulmal telah menganjurkan Seminar Tabung Wakaf & Perkhidmatan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Peringkat Daerah kepada Imam dan Jawatankuasa Masjid. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan secara terperinci kepada pegawai- pegawai masjid selaku orang tengah kepada MAIK dan masyarakat. Seminar ini juga bertujuan menerangkan kepada Jawatankuasa Masjid di seluruh Negeri Kedah mengenai perancangan bahagian wakaf dalam mewujudkan tabung skim dana wakaf tunai. Berikut merupakan siri seminar yang telah dilaksanakan di 3 daerah dalam Negeri Kedah:

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK peringkat daerah Kota Setar	27 Julai 2023	Masjid Al Hasanah, Dewan Rakyat Mergong
2.	Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK peringkat daerah Kubang Pasu	07 September 2023	Masjid Al Shahab, Kepala Batas Kubang Pasu
3.	Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK peringkat daerah Baling	25 Oktober 2023	Kompleks Belia dan Sukan Baling





















17 Mei 2023

- Bahagian Wakaf dengan kerjasama Yayasan Wakaf Malaysia telah mengadakan Malam Apresasi Pewakaf di Jerai Hotel Alor Setar. Tujuan makan malam ini di adakan adalah untuk menghargai para pewakaf yang telah mewakafkan harta mereka kepada MAIK.

1 Oktober 2023

- Bahagian Wakaf bersama Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS) telah menganjurkan program Memperkasakan Instrumen Wakaf Dalam Ekosistem Kewangan Islam. Program ini di hadiri Ketua Bahagian Wakaf bagi memberikan penerangan kepada peserta yang hadir.



PERKARA	TARIKH	TEMPAT
■ Program RoadShow Kesedaran Berwakaf	18 Oktober 2023	Hotel De-Baron, Daerah Langkawi
■ Program Roadshow Kesedaran Berwakaf	08 November 2023	Dewan Cenderawasih, Daerah Pendang Dewan
■ Program Roadshow Kesedaran Berwakaf	30 November 2023	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sik, Daerah Sik







PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (PUSBA)

Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam, Shah ditubuhkan pada 08 Mac 1998 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 01 April 1999 oleh kerana tiada pengajian dan bimbingan yang khusus kepada muallaf. Penubuhan PUSBA adalah untuk menangani gejala murtad dikalangan muallaf khususnya di Negeri Kedah dan umumnya masyarakat Malaysia. Inisiatif yang dijalankan adalah dengan mewujudkan kelas pengajian yang khusus kepada muallaf di setiap daerah seluruh Negeri Kedah.

Antara tujuan penubuhannya juga untuk menyebarkan Islam dikalangan bukan Islam dan mengukuhkan kefahaman serta penghayatan Islam dikalangan orang Islam di Negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya . Matlamat akhirnya ialah bagi memastikan muallaf yang baru memeluk Islam agar tidak kembali ke agama asal mereka (murtad).

Terdapat 2 pengajian yang dijalankan di PUSBA iaitu :

1) Kelas Bulanan : 3 sesi setahun (Januari – April , Mei – Ogos , September – Disember)

2) Kelas Mingguan : 2 kali setiap hujung minggu

Semua kelas pengajian ini diberi keutamakan kepada muallaf yang telah memeluk agama Islam 5 tahun kebawah.



KELAS BULANAN PUSBA (ASAS FARDHU AIN) SELAMA 4 BULAN

Sepanjang tahun 2023, PUSBA telah mengadakan 3 sesi Kelas Bulanan (Asas Fardhu Ain). Sesi pendaftaran Kelas Bulanan (Asas Fardhu Ain) bagi tahun 2023 adalah seperti berikut :

SESI 1/2023	SESI 2/2023	SESI 3/2023
JUMLAH 30 PELAJAR	JUMLAH 55 PELAJAR	JUMLAH 41 PELAJAR
01/01/2023 - 18/04/2023	01/05/2023 - 30/08/2023	03/09/2023 - 21/12/2023

Pelajar akan mengikuti kelas bimbingan Al-Quran dan Fardhu Ain merangkumi subjek Al-Quran, Amali (Solat & Doa Harian), Akidah, Fekah, Akhlak, Sirah dan Jawi selama 4 bulan pengajian. Pada akhir sesi, pelajar akan menduduki peperiksaan yang diadakan secara praktikal, lisan dan bertulis serta diikuti dengan majlis tamat kursus.

PENDAFTARAN PELAJAR BULANAN





TAKLIMAT PERATURAN ASRAMA & TANDATANGAN SURAT AKU JANJI





MINGGU ORIENTASI PELAJAR BULANAN





AKTIVITI-AKTIVITI BERSENAM & RIADAH BAGI PELAJAR BULANAN






KURSUS PENYEMBELIHAN DAN MEMASAK





KELAS MEMANAH BAGI PELAJAR BULANAN





MAJLIS BERBUKA PUASA DAN MENERIMA SUMBANGAN ZAKAT






MAJLIS SUMBANGAN RAYA & TAKBIR RAYA





PROGRAM KHEMAH IBADAH






PEPERIKSAAN AKHIR PELAJAR BULANAN


KELAS MINGGUAN PUSBA

Kelas Mingguan PUSBA dilaksanakan di lapan daerah Negeri Kedah :

BIL	DAERAH	TEMPAT	HARI/MASA	GURU	PESERTA
1.	Kuala Muda	PUSBA	**Sabtu & Ahad** 8.30 am – 11.30 am	4	110
2.	Kulim	Bangunan Zakat	**Sabtu & Ahad** 9.00 am – 12.00 pm	2	47
3.	Baling	Bangunan Baitulmal	**Jumaat & Sabtu** 8.30 am – 11.30 am	3	70
4.	Kota Setar	Masjid Sultanah Bahiyah	**Jumaat & Sabtu** 3.00 pm – 6.00 pm	4	81
5.	Pendang	SMA Al-Islah	**Jumaat & Sabtu** 9.00 am – 12.00 pm	3	54
6.	Kubang Pasu	Pusat Dakwah Jitra	**Jumaat & Sabtu** 3.00 pm – 6.00 pm	3	65
7.	Langkawi	Bangunan Cikgu Abd Halim	**Khamis :** 6.00 pm – 9.00 pm **Jumaat :** 8.30 am – 11.30 am	2	40
8.	Padang Terap	Masjid Tengku Sarafuddin	**Jumaat & Sabtu** 3.00 pm – 6.00 pm	2	30
			JUMLAH	**23**	**497**







PERJUMPAAN BERSAMA TENAGA PENGAJAR KELAS MINGGUAN DAERAH PUSBA

28 JANUARI 2023 (Sabtu) - Majlis Perjumpaan Bersama Tenaga Pengajar Kelas Mingguan Daerah PUSBA bertempat di Bilik Mesyuarat PUSBA bagi membincangkan perjalanan kelas mingguan dan pembentangan laporan prestasi peperiksaan pelajar mingguan. Majlis perjumpaan diakhiri dengan sesi penyerahan Surat Perlantikan Guru yang telah disambung kontrak.

CERAMAH ISRA' DAN MIKRAJ





19 FEBRUARI 2023 (Rabu) - Program ceramah sempena memperingati peristiwa agung Isra' dan Mikraj kepada pelajar bulanan dan mingguan Kuala Muda PUSBA. Ceramah telah disampaikan oleh Al Fadhil Ustaz Muhammad Hakim Bin Muhammad Zainuren (Tenaga Pengajar Kelas Mingguan Kuala Muda).









CERAMAH IHYA' RAMADHAN

19 MAC 2023 (Ahad) - Ceramah Ihya Ramadhan yang telah dilaksanakan di dua buah daerah iaitu Kuala Muda dan Kulim. Ceramah di PUSBA telah disampaikan oleh Al Fadhil Tn Sheikh Fakhrurrazi Bin Yub (Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Kedah) manakala di Kulim ceramah telah disampaikan oleh Al Fadhil Dr Ustaz Mohd Fazali Bin Abdul Manas (Tenaga Pengajar Kelas Mingguan PUSBA Kulim).

MAJLIS IFTAR DAN TADARRUS AL-QURAN





8 APRIL 2023 (Sabtu) - Majlis Iftar dan Tadarus Al Quran anjuran Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (PUSBA) kepada pelajar bulanan dan mingguan PUSBA. Majlis ini telah melibatkan 8 buah daerah di seluruh negeri Kedah. Majlis dilakukan di 3 tempat yang berbeza melibatkan Zon Utara (Kubang Pasu, Alor Setar, Padang Terap dan Pendang) bertempat di Pusat Dakwah Kubang Pasu, manakala Zon Selatan (Kuala Muda, Kulim dan Baling) bertempat di Hotel Zarques dan Daerah Langkawi bertempat di Bangunan Cikgu Abd Halim.







BENGKEL PENGGUBALAN KERTAS SOALAN

28 MEI 2023 (Ahad) - Bengkel Penggubalan Kertas Soalan Kelas Mingguan PUSBA Daerah bermula selama 3 hari 2 malam iaitu 28-30 Mei 2023 bertempat di Hotel Zarques, Sungai Petani. Bengkel ini telah melibatkan beberapa orang Tenaga Pengajar Kelas Mingguan PUSBA Daerah yang akan sama-sama menyiapkan kertas soalan bagi pelajar-pelajar Kelas Mingguan PUSBA di 8 buah daerah. Majlis penutup telah dilaksanakan oleh Tuan Sheikh Mohd Zamri Bin Bakar (Pengetua PUSBA).

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN KELAS MINGGUAN

Kelas mingguan PUSBA bermula 1 Januari 2023 bagi seluruh daerah dalam negeri Kedah. Peperiksaan Akhir Tahun kelas mingguan PUSBA secara serentak di lapan daerah pada 15, 16 & 22 September 2023. Seramai 497 orang pelajar telah menduduki peperiksaan ini.





PROGRAM **KOLABORASI**

PROGRAM KURSUS PENGURUSAN JENAZAH







22 JUN 2023 (Khamis) - Program Kursus Pengurusan Jenazah kepada pelajar bulanan PUSBA anjuran PUSBA dengan kerjasama Pusat Tarbiah dan Pengajian Darul Hikmah. Penceramah jemputan iaitu Ustaz Muhammad Zubir bin Ayob dan Ustaz Muhammad Nazli bin Zulkifli dari tenaga pengajar dari Pusat Tarbiah dan Pengajian Darul Hikmah. Seramai 40 orang pelajar menyertai program tersebut.







PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

6 JULAI 2023 (Khamis) - Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Muda menjemput pelajar bulanan serta kakitangan PUSBA untuk pemeriksaan gigi secara percuma dalam Program Minggu Promosi Kesihatan Pergigian dengan bertemakan "Mulut Sihat Pilihan Saya". Ustaz Muhammad Shahrul Fikri Bin Halim mewakili Tuan Pengetua PUSBA merasmikan majlis penutupan program ini.

SEMINAR TABUNG WAKAF DAN PERKHIDMATAN MAIK TAHUN 2023

Kolaborasi dengan Bahagian Wakaf dan Baitulmal MAIK – Seminar Tabung Wakaf dan Perkhidmatan MAIK 2023 bagi daerah Kota Setar, Kubang Pasu, Baling dan Langkawi.













PEMBUKAAN AKAUN PELAJAR OLEH PIHAK BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

19 SEPTEMBER 2023 (Selasa) – Mengadakan kerjasama dengan Bank Islam dalam pembukaan akaun bank bagi memudahkan pihak pengurusan PUSBA memasukkan elaun bulanan para pelajar untuk setiap sesi pengajian.

PERARAKAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DAERAH KUALA MUDA

28 September 2023 (Khamis) – Mengadakan kolaborasi dengan Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia (SALIMAH) dalam menyertai perarakan sempena Maulidur Rasul peringkat daerah Kuala Muda. Majlis yang telah melibatkan seramai 42 buah kontinjen telah bermula seawal jam 7 pagi dan berakhir pada jam 12 tengah hari. Seramai 30 orang terdiri daripada 2 orang kakitangan PUSBA dan 28 orang pelajar PUSBA menyertai perarakan tersebut.













PROGRAM SELAWAT DAN CERAMAH MAULIDUR RASUL

30 September 2023 (Sabtu) – Mengadakan kolaborasi dengan Surau Al-Hidayah,Taman Melati Sungai Petani dalam Program Selawat dan Ceramah Maulidul Rasul.

PROGRAM SANTUNI MUALLAF "ISLAM AGAMAKU"







08 Oktober 2023 (Ahad) – Mengadakan kolaborasi dengan Pejabat Agama Daerah Kuala Muda dalam Program Santuni Muallaf yang bertajuk "Islam Agamaku" Peringkat Daerah Kuala Muda Siri 1/2023 di Masjid Andalusia, Kariah Laguna Merbok disertai pelajar bulanan PUSBA dan Kakitangan PUSBA.

AKTIVITI-AKTIVITI PUSBA SEPANJANG TAHUN







LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MASJID AL-BUSYRA, MERBOK

2 MAC 2023 (Khamis) – Pelajar sesi 1/2023 dibawa ke Masjid Al Busyra, Merbok bagi melihat Pameran Memahkotakan Sayyidina Muhammad SAW. Disitu pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang sejarah Rasulullah SAW. Pameran tersebut bermula 1 - 5 Mac 2023 bermula jam 9.30 pagi sehingga 9.30 malam.

KUNJUNGAN HORMAT DARUL QURAN JAKIM KE PUSBA







8 MAC 2023 (Rabu) - PUSBA menerima kunjungan dari Darul Quran, JAKIM yang diwakili oleh Ustazah Zahrina Bt Haron (Ketua Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat), Ustaz Abdul Hakim Bin Nadzri (Penyelaras Program) serta Ustaz Muhammad Nazim Siham. Kunjungan tersebut bagi mempromosikan satu Program Pengajian Sijil Asas Tahfiz kepada pelajar-pelajar daripada kalangan Muallaf dan Orang Asli yang belajar di PUSBA. Kunjungan dimulakan dengan taklimat oleh pihak PUSBA oleh Tn Sheikh Mohd Zamri Bin Bakar (Pengetua PUSBA) berkaitan pengajian di PUSBA. Seterusnya taklimat berkaitan Program Pengajian Sijil Asas Tahfiz dimulakan oleh Ustaz Abdul Hakim B Nadzri (Penyelaras Program). Kunjungan ini diakhiri dengan sesi ramah mesra bersama pelajar bulanan PUSBA sesi 1/2023 bertempat di dewan utama PUSBA.





PERTANDINGAN NASYID PERINGKAT PUSBA

16 MAC 2023 (Khamis) - Pertandingan Nasyid pelajar-pelajar sesi 1/2023 bertempat di dewan utama PUSBA. Sebanyak 5 kumpulan telah berjaya mengadakan persembahan. Selain persembahan Nasyid, penonton juga disajikan dengan Persembahan Kebudayaan daripada pelajar berbangsa India dan pelajar daripada suku kaum Orang Asli. Majlis penutupan dan Penyampaian hadiah kepada para peserta disampaikan oleh Tuan Syeikh Mohd Zamri Bin Bakar (Pengetua PUSBA).

LAWATAN KERJA DARI PUSAT DAKWAH ISLAM NEGERI KEDAH KE PUSBA

16 JULAI 2023 (Ahad) - Pihak PUSBA telah menerima lawatan kerja dari Pusat Dakwah Islam Negeri Kedah (PDIK) Lawatan ini diketuai oleh Ustaz Abdul Malik bin Che Haat dan disertai 3 orang staf PDIK dan telah disambut 3 orang guru terdiri daripada oleh Ustaz Muhammad Shahrul Fikri Bin Halim (Guru PUSBA), Ustaz Wan Hariz Hazimin bin Abdul Rahman (Penyelia Kelas Mingguan) serta Ustaz Ramli bin Abdullah (Guru PUSBA). Tujuan lawatan ini diadakan bagi melihat program-program atau pengisian yang boleh dijalankan secara kerjasama di antara kedua pihak khususnya kepada saudara-saudara baru atau yang masih memerlukan bimbingan agama Islam





PROGRAM KACAU BUBUR ASYURA





23 JULAI 2023 (Ahad) - Program Kacau Bubur Asyura telah melibatkan barisan kakitangan PUSBA dan pelajar-pelajar Bulanan serta Mingguan Kuala Muda. Bubur asyura telah diagihkan kepada agensi-agensi yang berada berdekatan PUSBA. Antara agensi yang diberikan ialah Kem 6 Bridged, Pejabat Agama Daerah Kuala Muda, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Muda, Perkim Cawangan Daerah Kuala Muda , Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Daerah Kuala Muda, JPAM Kuala Muda, Klinik Pergigian Daerah Kuala Muda dan Pejabat Zakat Daerah Kuala Muda.




GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN SURAU PUSBA

19 OGOS 2023 (Sabtu) – Aktiviti gotong-royong pelajar lelaki kelas bulanan PUSBA di hujung minggu.

BENGKEL PEMURNIAN SEMAKAN STRUKTUR KURIKULUM PUSBA





21 OGOS 2023 (Isnin) - Bengkel Pemurnian Semakan Struktur Kurikulum PUSBA yang telah diadakan di Zaque's Hotel, Sungai Petani. Bengkel ini adalah bertujuan untuk memurnikan struktur kurikulum PUSBA peringkat akhir sebelum ianya akan dibukukan. Bengkel berkenaan ini melibatkan beberapa orang Panel Semakan antaranya ialah Prof Madya Dr. Muhammad Nasri Bin MD. Hussain (Timb Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa UniSHAMS) Prof Madya Dr. Mohd Nizho Bin Abdul Rahman (Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah UUM) Dr. Akli Bin Ahmad, AMK (Dekan Kuliyyah Syariah & Undang-Undang UniSHAMS) Dr. Sakinatul Raadiyah Binti Abdullah (Ketua Pusat Pengajian, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kedah.





KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

23 OGOS 2023 (Rabu) - Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman melalui Divisyen Pembangunan Mualaf dan Dakwah Sosial telah berlangsung di dewan PUSBA. Kunjungan ini telah dihadiri oleh Ustaz Mohd Idris Bin Md Yusuf (Ketua Bahagian Pengurusan Mualaf dan Dakwah Sosial), Ustaz Mohd Khairi Bin Ishak serta Ustaz Naim Islam bagi menerangkan halatuju pelajar-pelajar setelah selesai menuntut ilmu di PUSBA selain turut menjelaskan berkaitan jenis bantuan-bantuan yang terdapat di bawah LZNK kepada asnaf Mualaf.

Sesi pertemuan diteruskan bersama-sama beberapa orang kakitangan PUSBA bagi membincangkan hal-hal Pembangunan Pendidikan para pelajar.

KUNJUNGAN HORMAT PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (PUSBA) KE MAJLIS AGAMA ISLAM & ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN





28 OGOS 2023 (Isnin) - Kunjungan hormat Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) ke Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantandiadakan bagi berkongsi maklumat serta bertukar-tukar pandangan berkaitan agensi masing-masing. Pertemuan itu telah diadakan di dewan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kunjungan telah disambut oleh pihak MAIK Kelantan yang diketuai oleh Pegawai Bahagian Dakwah.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE NEGERI KELANTAN







27 – 29 OGOS 2023 (Ahad – Selasa) - Program Lawatan Sambil Belajar ke Negeri Kelantan Darul Naim diadakan selama 3 hari 2 malam. Antara tempat-tempat bersejarah yang turut dilawati ialah Guillemard Bridge, Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, Kampung Kraftangan, Pasar Siti Khadijah, Masjid Beijing dan lain-lain. Sepanjang tempoh lawatan berlangsung, semua pelajar telah dilatih untuk melaksanakan solat secara Jamak dan Qasar yang mana sebelum ini mereka hanya mengetahui teori di dalam kelas sahaja.







KELAS MEMANAH BAGI PELAJAR BULANAN PUSBA

2 NOVEMBER 2023 (Khamis) – Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) telah menganjurkan satu kelas memanah bagi pelajar sesi 3/2023 dan diadakan pada hari Khamis. Aktiviti ini dapat memberikan para pelajar lebih fokus dan meningkatkan keyakinan diri masing-masing dalam mencapai kejayaan dalam hidup.

MAJLIS SAMBUTAN IHTIFAL SANAWI PERINGKAT PUSBA TAHUN 2023







12 NOVEMBER 2023 - Majlis penyampaian sijil kepada pelajar-pelajar Tahap 1 telah disampaikan oleh Tuan Syeikh Mohd Zamri Bin Bakar (Pengetua PUSBA) manakala penyampaian sijil kepada pelajar-pelajar Tahap 2 pula telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Pejabat Zakat Daerah Kuala Muda. Seterusnya penyampaian Anugerah Cemerlang Keseluruhan Tahap 1 dan 2 serta Daerah Terbaik Keseluruhan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Sohibul Fadhilah Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh (Timbalan Yang Dipertua MAIK).







LAWATAN UKHWAH PERKIM TERENGGANU KE PUSBA

21 NOVEMBER 2023 (Selasa) - PUSBA telah menerima lawatan dari pihak Perkim Negeri Terengganu. Rombongan seramai 16 orang telah diketuai oleh Yang Berbahagia Prof Dr Ramle Bin Abdullah (Pengerusi PERKIM Terengganu) telah disambut barisan kakitangan PUSBA.Pelbagai perkongsian daripada kedua belah pihak telah dilakukan dalam pertemuan berkenaan bagi merealisasikan jalinan ukhwah berterusan selepas ini.

LAWATAN KERJA BAHAGIAN RUNDINGCARA AKIDAH JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

7 DISEMBER 2023 (Khamis) - Pihak PUSBA telah menerima kunjungan daripada Jabatan Mufti Negeri Sembilan. Kunjungan ini diketuai oleh Ustaz Ahmad Najib Bin Abdul Jalal (Penolong Mufti, Bahagian Rundingcara Akidah, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan) serta 23 orang ahli rombongan dan disambut oleh Tuan Syeikh Mohd Zamri Bin Bakar (Pengetua PUSBA) dan seluruh barisan kakitangan PUSBA. Antara objektif kunjungan ini ialah membina hubungan baik diantara kedua-dua organisasi.





9 LAPORAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

LAPORAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2023

TERAS **STRATEGI**

1 MEMPERTINGKAT KUALITI TADBIR URUS PENGURUSAN

STRATEGI 1 : MEMPERTINGKATKAN AMALAN TADBIR URUS DAN BUDAYA KERJA YANG BAIK
STRATEGI 2 : MEMASTIKAN KEPATUHAN DAN KELESTARIAN PENGURUSAN KEWANGAN
STRATEGI 3 : MEMARTABATKAN PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (PUSBA) SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN SAUDARA BARU YANG ULUNG

2 MEMANTAPKAN PERANAN BAITULMAL SEBAGAI INSTITUSI PENGGERAK EKONOMI DAN SOSIAL UMAT ISLAM

STRATEGI 1 : MEMPERTINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN HARTANAH BAITULMAL
STRATEGI 2 : MEMANTAPKAN PERANAN BAITULMAL DALAM MENYALURKAN BANTUAN KEPADA GOLONGAN BERSASAR
STRATEGI 3 : MENINGKATKAN PENDAPATAN BAGI MELAKSANAKAN PROJEK PEMBANGUNAN EKONOMI SOSIAL
STRATEGI 4 : MEWUJUDKAN PENGURUSAN HIBAH DAN WASIAT YANG EFISIEN

3 MEMPERKASAKAN WAKAF SEBAGAI INSTRUMEN PEMBANGUNAN EKONOMI SOSIAL UMAT ISLAM

STRATEGI 1 : MEMPERTINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN HARTANAH WAKAF
STRATEGI 2 : MERANCANG PROJEK PEMBANGUNAN BERPOTENSI DI ATAS TANAH WAKAF
STRATEGI 3 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN WAKAF TUNAI SEBAGAI SUMBER PERUNTUKAN

4 MEMPERKUKUHKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TERKINI

STRATEGI 1 : MEMBANGUNKAN SISTEM DAN PANGKALAN DATA YANG BERPUSAT
STRATEGI 2 : MELESTARIKAN KELANGSUNGAN OPERASI ICT


5 MEMPERKASAKAN PENGUATKUSAAN UNDANG-UNDANG HAL EHWAL AGAMA ISLAM DAN MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN BAGI KESEJAHTERAAN UMMAH

STRATEGI 1 : MEMANTAPKAN ENAKMEN, PERATURAN DAN KAEDAH-KAEDAH SECARA KONSISTEN
STRATEGI 2 : MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN YANG BERKUALITI DAN BERINOVASI

TAHAP **PENGUKURAN**

Tahap pengukuran kecemerlangan Pelan Strategik MAIK adalah lebih dari biasa iaitu **110%** yang mencapai **tahap cemerlang** (melebihi dari pencapaian yang telah disasarkan).

Ini bagi menjadi penanda aras yang lebih tinggi bagi mencipta perubahan demi keunggulan.



Rajah diatas menunjukkan pengukuran bagi pencapaian setiap indikator yang diukur menggunakan kaedah kod warna ungu, hijau, biru, dan merah. Warna ungu di atas menunjukkan tahap pencapaian indikator adalah **110% dan ke atas**. Ini merujuk kepada **pencapaian cemerlang** apabila jumlah pencapaian yang telah diperolehi melebihi daripada sasaran yang ditetapkan bagi tahun semasa. Warna hijau pula merujuk kepada tahap pencapaian indikator adalah **101%-109%**. Pada tahap ini pencapaian yang diperolehi adalah **melepasi sasaran dan tercapai** bagi setiap indikator. Warna biru merujuk kepada tahap pencapaian yang mencapai sasaran iaitu **100%.** Ini menunjukkan indikator telah **mencapai sasaran** yang telah ditetapkan pada tahun semasa. Warna merah pula merujuk kepada peratusan **99% ke bawah**. Ini menunjukkan proses gerak kerja telah dilakukan namun **belum siap dilaksanakan sepenuhnya**.

TERAS 1 - MEMPERTINGKATKAN
KUALITI TADBIR URUS PENGURUSAN

INDIKATOR YANG TELAH MENCAPAI TAHAP CEMERLANG

1.3.1 Bilangan aktiviti/ program/ kursus

Sasaran : 4
Pencapaian : 8

1.1.1 Peratus penjimatan

Sasaran : 20%
Pencapaian : 26%

1.2.1 Peratus pelajar lulus

Sasaran : 70%
Pencapaian : 83.54%

1.3.1 Bilangan program- Taklimat

Sasaran : 6
Pencapaian : 7

TERAS 1 - MEMPERTINGKATKAN KUALITI TADBIR URUS PENGURUSAN

Strategi 1 : Mempertingkatkan Amalan Tadbir Urus Dan Budaya Kerja Yang Baik.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.2 Mengemas kini Standard Operating Procedure (SOP)	1.2.1 Bilangan SOP Diwujudkan	8	8	Mencapai Sasaran
	1.2.2 Bilangan Semakan Semula SOP	6	1	Tidak Mencapai Sasaran
1.3 Meningkatkan kompentensi Modal Insan	1.3.1 Bilangan aktiviti/ program/ kursus	4	8	Cemerlang


Strategi 2 : Memastikan Kepatuhan dan Kelestarian Pengurusan Kewangan.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Melaksanakan Penjimatan Kos pengurusan dan pentadbiran	1.1.1 Peratus penjimatan	20%	26%	Cemerlang
1.2 Menerima pakai Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW)	1.2.1 Peratus pematuhan	Fasa 3	0%	Tidak Mencapai Sasaran
1.3 Memastikan peningkatan perolehan dalam pelaburan	1.3.1 Peratus peningkatan	6%	-8%	Tidak Mencapai Sasaran
1.4 Memastikan sifar teguran audit terhadap penyata kewangan tahunan	1.4.1 Bilangan teguran daripada Jabatan Audit Negara	3	12	Tidak Mencapai Sasaran

Strategi 3 : Memartabatkan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) Sebagai Institusi Pendidikan Saudara Baru Yang Ulung.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.2 Memastikan peningkatan prestasi kefahaman pelajar	1.2.1 Peratus pelajar lulus	70%	83.54%	Cemerlang
1.3 Memperkenalkan PUSBA kepada masyarakat	1.3.1 Bilangan program - Taklimat	6	7	Cemerlang
	1.3.2 Bilangan program - Promosi	5	5	Mencapai Sasaran
	1.3.3 Bilangan program - Kolaborasi	6	6	Mencapai Sasaran

Carta bar menunjukkan peratus pencapaian bagi teras pertama iaitu mempertingkatkan kualiti tadbir urus pengurusan di MAIK. Pengukuran adalah berdasarkan kepada 11 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan 36% iaitu 3 indikator menunjukkan prestasi yang cemerlang. Selain itu, 27% iaitu 3 indikator menunjukkan prestasi yang mencapai sasaran. Walaubagaimanapun 4 indikator iaitu 36% tidak mencapai sasaran.



TERAS 2 – MEMANTAPKAN PERANAN BAITULMAL SEBAGAI **INSTITUSI PENGGERAK EKONOMI DAN SOSIAL UMAT ISLAM**

INDIKATOR YANG TELAH MENCAPAI TAHAP CEMERLANG

1.1.1 Bilangan khemah niaga
Sasaran : 80
Pencapaian : 95

1.1.5 Peratus Sekolah Agama Rakyat (SAR) - bantuan makanan
Sasaran : 60%
Pencapaian : 84%

1.1.1 Jumlah penjanaan pendapatan (hasil Baitulmal)
Sasaran : RM2.3 Juta
Pencapaian : RM3,086,430.9

1.1.2 Jumlah kutipan skim TABK - Fidyah dan Kafarah
Sasaran : RM2.5 Juta
Pencapaian : RM4,210,211.80

1.1.3 Jumlah kutipan skim TABK - Wang atau Harta yang tidak patuh syariah
Sasaran : RM200 Ribu
Pencapaian : RM433,757.00

1.2.1 Bilangan program TABK
Sasaran : 4
Pencapaian : 5

TERAS 2 – MEMANTAPKAN PERANAN BAITULMAL SEBAGAI INSTITUSI PENGGERAK EKONOMI DAN SOSIAL UMAT ISLAM

Strategi 1 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Baitulmal.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.2 Memantapkan pengurusan jual beli hartanah	1.2.1 Jumlah pembelian balik hartanah	100	50	Tidak Mencapai Sasaran

Strategi 2 : Memantapkan Peranan Baitulmal Dalam Menyalurkan Bantuan Kepada Golongan Bersasar.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Memperkasakan bantuan Baitulmal	1.1.1 Bilangan khemah niaga	80	95	Cemerlang
	1.1.2 Bilangan Motosikal	7	7	Mencapai Sasaran
	1.1.3 Bilangan kiosk	8	8	Mencapai Sasaran
	1.1.4 Nilai kaedah bantuan kepada gelandangan	RM60,000.00	RM30,000.00	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.5 Peratus Sekolah Agama Rakyat (SAR) - bantuan makanan	60%	84%	Cemerlang
1.2 Berinovasi dalam memberi bantuan	1.2.1 Bilangan kaedah bantuan	3	3	Mencapai Sasaran


Strategi 3 : Meningkatkan Pendapatan Bagi Melaksanakan Projek Pembangunan Ekonomi Sosial.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Meningkatkan penjanaan pendapatan	1.1.1 Jumlah penjanaan pendapatan (hasil Baitulmal)	RM2.3 Juta	RM3,086,430.9	**Cemerlang**
	1.1.2 Jumlah kutipan skim TABK - Fidyah dan Kafarah	RM2.5 Juta	RM4,210,211.80	**Cemerlang**
	1.1.3 Jumlah kutipan skim TABK - Wang atau Harta yang tidak patuh syariah	RM200 Ribu	RM433,757.00	**Cemerlang**
	1.1.4 Jumlah kutipan skim TABK - Infak Fisabilillah	RM130 Ribu	RM29,736.50	**Tidak Mencapai Sasaran**

Strategi 4 : Mewujudkan Pengurusan Hibah Dan Wasiat Yang Efisen.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Mewujudkan perkhidmatan hibah dan wasiat	1.1.1 Peratus penyediaan prasarana Unit Hibah dan Wasiat	60%	-	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.2 Bilangan kaedah hebahan dan promosi	4	-	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.3Bilangan permohonan hibah	10	-	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.4 Bilangan permohonan wasiat	10	-	Tidak Mencapai Sasaran
1.2 Memantapkan kutipan Skim TABK	1.2.1 Bilangan program TABK	4	5	Cemerlang
	1.2.2 Bilangan kaedah penerimaan bayaran TABK	5	4	Tidak Mencapai Sasaran

Carta bar menunjukkan peratus pencapaian bagi teras kedua dalam memantapkan peranan Baitulmal sebagai institusi penggerak ekonomi dan sosial umat Islam di MAIK. Terdapat 17 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan bahawa 6 indikator iaitu 35% menunjukkan prestasi yang cemerlang. Di samping itu 3 indikator iaitu 18% telah mencapai sasaran bagi tahun 2023. Walau bagaimanapun 8 indikator iaitu 47% tidak mencapai sasaran.



TERAS 3 – MEMPERKASAKAN WAKAF SEBAGAI **INSTRUMEN PEMBANGUNAN EKONOMI SOSIAL UMAT ISLAM**

1.2.1 Jumlah kutipan skim wakaf tunai (RM Juta)

Sasaran : RM2.5 Juta
Pencapaian : RM3,402,804.19

INDIKATOR YANG TELAH MENCAPAI TAHAP CEMERLANG

TERAS 3 – MEMPERKASAKAN WAKAF SEBAGAI INSTRUMEN PEMBANGUNAN EKONOMI SOSIAL UMAT ISLAM

Strategi 1 : Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Hartanah Wakaf.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.2 Mempelbagaikan kerjasama dengan pihak luar	1.2.1 Bilangan program kolaborasi dengan pihak luar	8	8	Mencapai Sasaran


Strategi 2 : Merancang Projek Pembangunan Berpotensi Di Atas Tanah Wakaf.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Merancang projek yang menjana ekonomi	1.1.1 Bilangan projek baharu-ekonomi	4	4	Mencapai Sasaran
1.2 Merancang projek sosial yang memberi faedah kepada masyarakat	1.2.1 Bilanganprojek baharu-sosial	5	5	Mencapai Sasaran

Strategi 3 : Memantapkan Pengurusan Wakaf Tunai Sebagai Sumber Peruntukan.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Mewujudkan skim dana kutipan wakaf tunai	1.1.1 Bilangan skim dana yang diluluskan	4	2	Tidak Mencapai Sasaran
	1.2.1 Jumlah kutipan skim wakaf tunai (RM juta)	RM2.5 Juta	RM3,402,804.19	Cemerlang

Carta bar menunjukkan peratus pencapaian bagi teras ketiga iaitu memperkasakan wakaf sebagai instrumen pembangunan ekonomi sosial umat Islam di MAIK. Terdapat 5 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan 1 indikator iaitu 20% mendapat cemerlang. Selain itu, 3 indikator iaitu 60% telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2023. Walau bagaimanapun 1 indikator iaitu 20% tidak mencapai sasaran



TERAS 4 – MEMPERKUKUHKAN PENGGUNAAN **TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TERKINI**


Strategi 1 : Membangunkan Sistem Dan Pangkalan Data Yang Berpusat.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) secara dalaman	1.1.1 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Sewaan	100%	77%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.2 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Sumber Manusia	100%	77%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.3 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Perakaunan dan Belanjawan	100%	57%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.4 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Aset	100%	91%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.5 Peratus Kemajuan Modul - Pengurusan Stor	100%	90%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.6 Peratus pematuhan pembangunan SPMB ke atas SAGA	50%	50%	Tidak Mencapai Sasaran
1.2 Membangunkan Portal bersepadu yang mapan	1.2.2 Peratus kemajuan sistem e-Wasiat	0%	0%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.2.3 Peratus kemajuan sistem e-Hibah	0%	0%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.2.4 Peratus kemajuan sistem e-Perjanjian	100%	100%	Mencapai Sasaran
	1.2.8 Peratus pembangunan portal bersepadu	100%	100%	Mencapai Sasaran
1.3 Berkolaborasi dalam pembangunan sistem bersama pihak luar	1.3.2 Peratus Kemajuan sistem bersama BTMK – Sistem Pengurusan Tanah	100%	83%	Tidak Mencapai Sasaran
1.5 Membangunkan aplikasi mudah alih dan dashboard	1.5.2 Peratus pembangunan dashboard MAIK	80%	66%	Tidak Mencapai Sasaran

Strategi 2 : Melestarikan Kelangsungan Operasi ICT.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
2.1 Melaksanakan perisian / rangkaian / pelayan (server)	2.1.1 Peratus Penyediaan Bilik Pelayan (server) MAIK	100%	100%	**Mencapai Sasaran**

Carta bar menunjukkan peratus pencapaian bagi teras keempat iaitu memperkukuhkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini di MAIK. Terdapat 13 indikator dalam teras ini. Terdapat 3 indikator yang telah mencapai sasaran dan 10 indikator lagi tidak mencapai. Di dalam teras ini kesemua sistem telah siap dibangunkan tetapi masih dalam tempoh percubaan.



TERAS 5 – MEMPERKASAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG HAL EHWAL AGAMA ISLAM DAN **MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN BAGI KESEJAHTERAAN UMMAH**


Strategi 1 : Memantapkan Enakmen, Peraturan dan Kaedah-Kaedah Secara Konsisten.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Menambah baik enakmen bagi memenuhi kehendak semasa baik	1.1.1 Peratus pindaan seksyen - Struktur pengurusan pentadbiran	100%	8%	Tidak Mencapai Sasaran
	1.1.2 Peratus pindaan seksyen – Wakaf	100%	15%	Tidak Mencapai Sasaran
1.2 Menambah baik peraturan/ kaedah-kaedah bagi memenuhi kehendak semasa	1.2.1 Peratus penggubalan Peraturan Wakaf	100%	18%	Tidak Mencapai Sasaran

Strategi 2 : Membudayakan Penyelidikan yang Berkualiti Dan Berinovasi.

Inisiatif	Indikator	Sasaran	Pencapaian	Tahap Pencapaian
1.1 Melaksanakan Penyelidikan	1.1.1 Bilangan Penyelidikan	3	2	Tidak Mencapai Sasaran
1.2 Berkolaborasi dengan pihak luar	1.2.1 Bilangan Kolaborasi	2	1	Tidak Mencapai Sasaran
1.3 Melaksanakan Inovasi	1.3.1 Bilangan Inovasi	2	0	Tidak Mencapai Sasaran

Carta bar menunjukkan peratus pencapaian bagi teras kelima iaitu memperkasakan penguatkuasaan undang-undang hal ehwal agama Islam dan membudayakan penyelidikan bagi kesejahteraan ummah di MAIK. Terdapat 6 indikator dalam teras ini. Rumusan daripada hasil kajian menjelaskan bahawa kesemua indikator di dalam teras ini tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2023.



KHIDMAT PENGURUSAN



PERLANTIKAN SYARIKAT PRICEWATERHOUSECOOPERS ADVISORY SDN BHD

Pada tahun ini, MAIK melantik Syarikat PricewaterhouseCoopers Advisory Sdn Bhd untuk melaksanakan kajian keatas MAIK. Syarikat PricewaterhouseCoopers Advisory Sdn Bhd diwakili oleh pakar-pakar perunding yang berpengalaman dan mempunyai kefahaman mendalam mengenai cabaran yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam yang meliputi dua modul iaitu :

01 KAJIAN STRATEGIK KEWANGAN

02 STRUKTUR ORGANISASI MAIK

Laporan Pelaksanaan kajian PwC ini merangkumi dua pelan iaitu pelan jangka pendek dan jangka panjang iaitu :

1) Semakan semula Pelan Strategik MAIK 2021-2025

2) Penambahan kakitangan bagi penstrukturan semula organisasi.

3) Pengwujudan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif MAIK.

4) Pengwujudan 21 jawatan yang meliputi dua kategori iaitu :

   4.1 15 jawatan baru kategori eksekutif.

   4.2 6 jawatan baru bukan eksekutif kumpulan sokongan.

5) Kajian strategik kewangan turut memberi fokus untuk meningkatkan perolehan hasil MAIK melalui pembangunan aset-aset wakaf, baitulmal, dan peningkatan kutipan sewa aset serta hartanah MAIK.

6) Anak-anak syarikat milik MAIK pula disarankan supaya meningkatkan keupayaan untuk bertindak sebagai salah satu cabang komersil MAIK melalui aktiviti perniagaan dengan memanfaatkan aset-aset MAIK seterusnya menjana pulangan kepada MAIK.

7) Unit ICT disarankan membangunkan Sistem data bersepadu untuk menggabungkan data-data baitulmal dan wakaf bagi memastikan semua data-data ini diakses dengan cepat dan lengkap. Penggunaan teknologi harus diimplementasi segera untuk mengurangkan cara kerja secara manual untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan mutu perkhidmatan.

MESYUARAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Menurut Subseksyen 21(1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 memperuntukkan ***"Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya".***

Mesyuarat Majlis berperanan sebagai pembuat keputusan mengenai dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal agama Islam di Negeri Kedah.

Pada tahun 2023, mesyuarat MAIK telah bersidang sebanyak empat kali seperti berikut :

01
MESYUARAT MAIK BIL.1/2023
21/2/2023

02
MESYUARAT MAIK BIL.2/2023
6/6/2023

03
MESYUARAT MAIK BIL.3/2023
28/8/2023

04
MESYUARAT MAIK BIL.4/2023
21/11/2023

MESYUARAT PENTADBIRAN

MESYUARAT	BILANGAN	TARIKH
Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	BIL.1	19/3/2023
	BIL.2	24/7/2023
	BIL.3	19/10/2023
MESYUARAT	**BILANGAN**	**TARIKH**
Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR)	BIL.1	19/3/2023
	BIL.2	24/7/2023
	BIL.3	19/10/2023
MESYUARAT	**BILANGAN**	**TARIKH**
Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia	BIL.1	9/2/2023
	BIL.2	21/5/2023
	BIL.3	22/10/2023

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Kakitangan yang telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2023 ialah enam orang seperti berikut :



ABDUL MALEK BIN SHAARI



MOHD ZAMRI BIN BAKAR



MOHD FAIZAL BIN ABD RAHIM



RUBITA BINTI AHMAD



MASTURA BINTI AB RAHIM



MUHAMMAD FARIS BIN ABDULLAH

KURSUS DAN LATIHAN

Unit Latihan MAIK berfungsi menguruskan pembangunan latihan dan kemahiran kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di MAIK. Terdapat dua kategori latihan yang perlu dihadiri oleh kakitangan iaitu :

01 Kursus yang berkaitan bidang tugas iaitu Carrier Development (CDP).

02 Kursus yang bersifat generic umum iaitu Self And Carrier Development (SCDP).

MAIK amat komited membangunkan kemahiran kakitangan. Pada tahun 2023, Bahagian Khidmat Pengurusan MAIK telah menganjurkan enam kursus secara dalaman. Terdapat empat kursus yang dianjurkan dengan kerjasama agensi lain dan dua kursus dianjurkan oleh MAIK sendiri. Senarai adalah seperti berikut :

BIL	KURSUS	TARIKH	KATEGORI	PENGANJUR
1.	Kursus Pengurusan Kerja Efektif	17/4/2023	CDP	MAIK & WAN HRD TRAINING
2.	Kursus Pembinaan Pasukan Ke Arah Peningkatan Prestasi Organisasi	19-20/6/2023	SCDP	MAIK & POSITIVE MIND TRAINING AND CONSULTANCY
3.	Kursus Induksi Khusus Untuk Kakitangan Baharu	6-7/8/2023	CDP	MAIK
4.	Kursus Pengurusan Cuti, Waktu Bekerja Dan Kerja Lebih Masa	17/8/2023	CDP	MAIK & INSPIN
5.	Taklimat Dan Tuntutan Skim-Skim Perlindungan (PERKESO)	1/8/2023	SCDP	MAIK & PERKESO
6.	Bengkel Penjanaan Dana-Dana Baharu MAIK	3-5/9/2023	SCDP	MAIK

PERJAWATAN MAIK

Sehingga berakhir 31 Disember 2023, jumlah perjawatan yang telah diisi adalah seperti berikut :

KATEGORI PERJAWATAN	BILANGAN PEGAWAI	
	TETAP	KONTRAK
	28	56
JUMLAH KESELURUHAN	84	

Pada tahun 2023, Bahagian Khidmat Pengurusan telah melaksanakan pengambilan jawatan-jawatan seperti berikut :

JAWATAN	TARAF JAWATAN/GRED	JUMLAH PENGISIAN	PENEMPATAN
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FT29 Kontrak	1	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Pekerja Sambilan Harian	1	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
Pembantu Akauntan	W19 kontrak	1	PUSAT BIMBINGAN ISLAM SULTAN ABDUL HALIM
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19 kontrak	1	BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH



ALLAHYARHAM USTAZ MOHD RAMLI BIN ABDULLAH

Pada tahun 2023, seorang kakitangan MAIK yang bertugas di PUSBA telah meninggal dunia . Beliau ialah Allahyarham Ustaz Mohd Ramli Bin Abdullah. Salam Takziah diucapkan kepada keluarga beliau.

PEMBANGUNAN HARTANAH

Bahagian Pembangunan Hartanah (BPH) dipertanggungjawabkan untuk membangunkan, menyewa, menyelia, dan menyelenggara hartanah milik MAIK. Di antara hartanah yang terlibat adalah projek pembinaan masjid, bangunan komersial dan kediaman. Projek pembinaan yang dijalankan pada tahun 2023 berjumlah 10 projek adalah seperti berikut.

Bil	Projek	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Kos (RM Juta)	Peruntukan / Pelaksana	Peratus Kemajuan Pembinaan
1.	Pembinaan Masjid Fathul Majid, Hujung Keton	2021	2024	2.65	Wakaf Tunai / JKR	64.00%
2.	Masjid Terapung Yan, Mukim Bandar Yan, Daerah Yan	2017	2025	12.43	MOF / JKR	51.00%
3.	Masjid Jami'ul Khair, Kampung Tong Pelu, Padang Terap			3.7	ICU / JKR	96.00%
4.	Masjid Pekan Changlun, Mukim Temin, Kubang Pasu			3.5	MOF / ICU	20.00%
5.	Masjid Al-Hidayah, Mukim PekanNaka, Daerah Padang Terap	2023	2025	5.59	MOF / ICU	8.31%
6.	Masjid Al-Huda, Daerah Pokok Sena	2023	2025	2.9	MOF / ICU	10.75%
7.	Masjid As-Solihin Kg Kejai, Daerah Baling	2023	2025	6.27	MOF / ICU	2.00%
8.	Masjid As-Syakirin Guar Stesyen, Mukim Gurun, Daerah Kuala Muda	2023	2025	1.89	MASJID	48.00%
9.	Masjid Al-Muhammadi, Mukim Bandar Padang Serai			9.18	MASJID	47.00%
10.	Masjid Al Muhtadin Kariah Sungai Seluang, Mukim Bandar Lunas, Daerah Kulim	2023	2025	4.38	MOF / PKNK	43.17%

PROJEK
PEMBANGUNAN SOSIAL

1. STATUS PEMBINAAN MASJID FATHUL MAJID, HUJUNG KETON PADA TAHUN 202

Projek ini merupakan projek pertama melalui Kutipan Dana Wakaf Tunai MAIK. Ia mula dibangunkan pada tahun 2021 dan tertangguh selama dua (2) tahun akibat Covid-19. Pada tahun 2023, peratus kemajuan kerja bagi projek ini adalah sebanyak 64%. Status pembayaran kerja sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM2,653,873.75. Projek ini dijangka siap pada 18 Jun 2024 setelah mengambil kira perlanjutan kerja kali keempat.


31 DISEMBER 2023


31 DISEMBER 2023


31 DISEMBER 2023

2. SENARAI PEMBINAAN MASJID-MASJID DI KEDAH SEPANJANG TAHUN 2023

Majlis Agama Islam Negeri Kedah merupakan pemegang amanah tunggal untuk tanah-tanah wakaf bagi seluruh Negeri Kedah dan Bahagian Pembangunan Hartanah telah diamanahkan sebagai penyelaras projek bagi pembinaan masjid-masjid di seluruh Negeri Kedah dimana terdapat tiga (3) kaedah pelaksanaan projek-projek pembangunan ini seperti berikut:-

I) PROJEK PEMBINAAN MASJID DI BAWAH PEMANTAUAN DARIPADA JABATAN KERJA RAYA (JKR)

A) Masjid Terapung Yan, Mukim Bandar Yan, Daerah Yan

Projek ini mula dibangunkan pada tahun 2017. Projek ini ditangguhkan sementara dan diteruskan semula pada tahun 2023. Kos pembinaan masjid ini adalah sebanyak RM12,431,156.00 daripada ICU untuk menampung 1,000 hingga 1,500 para jemaah. Pihak Jabatan Kerja Raya dilantik sebagai pelaksana projek. Kontraktor penyiap yang dilantik adalah Maju Merge Resources Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 11 Julai 2023 dan tarikh siap asal pada 07 Julai 2025. Kemajuan kerja setakat 17 Disember 2023 adalah sebanyak 51%.



17 DISEMBER 2023



17 DISEMBER 2023



17 DISEMBER 2023

B) Status Kemajuan Projek Pembinaan Masjid Yang Masih Dilaksanakan Pada Tahun 2023

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	KOS PROJEK	KEMAJUAN PROJEK
1.	MASJID JAMI'UL KHAIR, KAMPUNG TONG PELU	PADANG TERAP	RM3.7 JUTA	96%
2.	MASJID PEKAN CHANGLUN, MUKIM TEMIN	KUBANG PASU	RM3.5 JUTA	20%

II. PROJEK PEMBINAAN MASJID DI BAWAH PEMANTAUAN DARIPADA UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM), PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH

A) Masjid Al-Hidayah, Mukim Pekan Naka, Daerah Padang Terap

Projek ini mula dibangunkan pada tahun 2023. Projek ini dibiayai dan dibangunkan oleh ICU dengan kos pembinaan sebanyak RM5,598,550.00. Perunding yang dilantik ialah Akashah Architect & Associates. Kontraktor utama yang dilantik adalah Bina Muda Sepakat Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 30 Oktober 2023 dan tarikh siap pada 26 Oktober 2025.

Kemajuan kerja setakat 28 Disember 2023 adalah sebanyak 8.31%.



17 DISEMBER 2023



17 DISEMBER 2023

B) Masjid Al-Huda, Daerah Pokok Sena

Keadaan masjid yang kecil tidak mampu untuk menampung jumlah anak kariah telah menyebabkan Jawatankuasa Masjid memohon untuk membina dan menyiapkan prasarana masjid ini. Projek ini dibiayai oleh ICU dengan kos pembinaan sebanyak RM2,900,000.00. Perunding yang dilantik ialah ZZM Architect Sdn. Bhd. Kontraktor utama yang dilantik adalah Trans Muhibbah Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 02 November 2023 dan tarikh siap pada 31 Mac 2025. Kemajuan kerja setakat 31 Disember 2023 adalah sebanyak 10.75%.

C) Masjid As-Solihin Kg Kejai, Daerah Baling

Keadaan masjid yang kecil tidak mampu untuk menampung jumlah anak kariah telah menyebabkan Jawatankuasa Masjid memohon untuk membina baru masjid ini. Projek ini dibiayai oleh ICU dengan kos pembinaan sebanyak RM6,270,000.00. Perunding yang dilantik ialah Achitects ATMA Sdn. Bhd. Kontraktor utama yang dilantik adalah Wawasan Bertam (M) Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 12 Disember 2023 dan tarikh siap pada 12 Jun 2025. Kemajuan kerja setakat 31 Disember 2023 adalah sebanyak 2%.

III. PROJEK PEMBINAAN MASJID DI BAWAH PEMANTAUAN DARIPADA JAWATANKUASA KARIAH

A) Masjid As-Syakirin Guar Stesyen, Mukim Gurun, Daerah Kuala Muda

Projek ini merupakan projek kedua yang menggunakan Kutipan Dana Wakaf Tunai MAIK. Projek ini dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kariah dengan kos pembinaan sebanyak RM1,89,584.18. Perunding yang dilantik ialah Rashid Othman Architect. Kontraktor utama yang dilantik adalah KABK Construction Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 07 Mei 2023 dan tarikh siap pada 04 Mei 2024. Kemajuan kerja setakat 31 Disember 2023 adalah sebanyak 48%.



31 DISEMBER 2023

D) Status Kemajuan Projek Pembinaan Masjid Yang Masih Dilaksanakan Pada Tahun 2023

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	KOS PROJEK	KEMAJUAN PROJEK
1.	Masjid Al Muhammadi Mukim Bandar, Padang Serai	Kulim	RM9,182,939.00	47%

IV PROJEK PEMBINAAN MASJID DI BAWAH PEMBIAYAAN DAN PEMANTAUAN DARIPADA PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH (PKNK)

A) Masjid Al Muhtadin Kariah Sungai Seluang, Mukim Bandar Lunas, Daerah Kulim

Projek ini merupakan projek kedua yang menggunakan Kutipan Dana Wakaf Tunai MAIK. Projek ini dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kariah dengan kos pembinaan sebanyak RM1,89,584.18. Perunding yang dilantik ialah Rashid Othman Architect. Kontrakor utama yang dilantik adalah KABK Construction Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 07 Mei 2023 dan tarikh siap pada 04 Mei 2024. Kemajuan kerja setakat 31 Disember 2023 adalah sebanyak 48%.


Projek ini dibiayai dan dibangunkan oleh PKNK dengan kos sebanyak RM4,389,270.20. Perunding yang dilantik ialah Mazlan Jaafar Architect. Kontraktor utama yang dilantik adalah EMC Teguh Engineering Sdn. Bhd. Tarikh miliki tapak adalah pada 22 Mac 2023. Kemajuan kerja setakat 15 Disember 2023 adalah sebanyak 43.17%.



15 DISEMBER 2023



15 DISEMBER 2023



15 DISEMBER 2023



15 DISEMBER 2023

3. PROJEK PEMASANGAN SISTEM SOLAR DI MASJID SELURUH NEGERI KEDAH

Bahagian Pembangunan Hartanah (BPH) telah diarahkan untuk menyediakan Pelawaan Mengemukan Cadangan *(RFP)* bagi mereka bentuk, membekal, memasang, mentauliah, menguji dan memohon kuota Sustainable Energy Development Authority (SEDA) bagi sistem solar PV di masjid seluruh Negeri Kedah Darul Aman pada tahun 2022. Draf akhir RFP telah disediakan oleh BPH Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) pada 06 Jun 2023 dengan melantik tiga panel penilaian yang terdiri daripada jurutera bertauliah untuk memberi pandangan terknikal sebelum *RFP* dimuktamadkan.

RFP ini mula diiklankan kepada syarikat-syarikat pelabur pada 13 Julai 2023 dan ditutup pada 24 Ogos 2023. Daripada iklan tersebut, sebanyak sembilan (9) buah syarikat telah membeli dokumen tersebut dan hanya lima (5) buah syarikat sahaja yang mengembalikan dokumen pelawaan tersebut. Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah Bil.4/2023 telah memilih Syarikat SG Energy Sdn. Bhd. (SGESB) bagi melaksanakan projek dan melantik syarikat tersebut pada 13 Disember 2023.

SGESB yang dilantik adalah sebuah syarikat Bumiputera yang pakar dalam pemasangan sistem solar dan elektrikal dengan nilai pelaburan RM22,000,000.00. Melalui usahasama ini, disasarkan 300 buah masjid di seluruh negeri Kedah terlibat dalam projek ini. Secara keseluruhannya, dianggarkan jumlah kapasiti pemasangan sebanyak 7,590.96 (kWp) dengan anggaran penjanaan solar sebanyak 10,251,591.48 (kWh/setahun). Berdasarkan janaan tersebut, penjimatan bil elektrik dianggarkan sebanyak RM6.5juta setahun dan dijangka selesai pada akhir tahun 2024.

4. PENGURUSAN SEWAAN

Bagi tahun 2023, Unit Sewaan telah berjaya mengutip sewa untuk hartanah Baitulmal sebanyak RM809,565.80 dan hartanah Wakaf sebanyak RM2,863,180.73. Jumlah keseluruhan kutipan sewa sepanjang tahun 2023 adalah sebayak RM3,672,746.53. Peratus peningkatan kutipan sewa hartanah Baitulmal sebanyak 8.4% dan peningkatan kutipan sewa hartanah Wakaf sebanyak 51%. Peratus peningkatan kutipan keseluruhan adalah sebanyak 39%. Unit sewaan telah mengambil tindakan undang-undang bagi penyewa yang ingkar dan tegar dengan kerjasama Unit Perundangan dan Sekreteriat MAIK. Jumlah penyewa yang telah diambil tindakan bagi hartanah Baitulmal adalah sebanyak 11 kes dan hartanah Wakaf sebanyak 12 kes dengan jumlah keseluruhan sebanyak 23 kes. Kes yang telah selesai tindakan adalah sebanyak 5 kes dan berbaki 18 kes yang masih dalam tindakan.




5. LAPORAN SISTEM ADUAN KEROSAKAN BANGUNAN

STATISTIK TINDAKAN PEMBAIKAN YANG TELAH DIAMBIL MELALUI PIHAK-PIHAK TERTENTU

Salah satu unit di Bahagian Pembangunan Hartanah adalah Unit Teknikal yang berperanan sebagai pelaksana bagi kerja-kerja teknikal berkaitan penyelenggaraan dan pembaikan asset MAIK. Sistem Aduan Kerosakan Bangunan (SAKB) telah diperkenalkan bagi melancarkan proses penyelenggaraan ini. Melalui sistem ini, majoriti pembaikan kerosakan diselesaikan melalui kaedah dalaman dengan melibatkan Penolong Jurutera MAIK dan Pembantu Am Pejabat Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul halim Mu□adzam Shah. Pihak MAIK juga membuat pelantikan melalui kontraktor bagi kerja-kerja yang tidak dapat dilaksanakan secara dalaman. Kerja-kerja yang melibatkan pandangan teknikal akan dirujuk kepada pihak JKR. Kaedah pembaikan juga dilaksanakan oleh penyewa sekiranya memerlukan pembaikan segera dan dibuat pelarasan melalui kutipan sewa.



STATISTIK SISTEM ADUAN KEROSAKAN BANGUNAN (SAKB)
JUMLAH ADUAN VS JUMLAH TINDAKAN



Terdapat dua ratus (200) aduan kerosakan yang diterima sepanjang tahun 2023, lapan (8) aduan dibatalkan atas faktor aduan bertindih serta satu ratus empat puluh (140) aduan telah diambil tindakan oleh Bahagian Pembangunan Hartanah. Aduan kerosakan melibatkan kerja-kerja elektrik seperti pembaikan penghawa dingin, lampu, kipas dan air sebanyak 50% dan kerja-kerja awam seperti pembaikan bumbung, tingkap, serta lain-lain kerosakan kecil sebanyak 50%. Lima puluh dua (52) aduan masih dalam tindakan melibatkan kerja-kerja peruntukan tinggi yang memerlukan lantikan agensi teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Lantikan bagi kerja-kerja ini telah dibuat pada tahun 2023 dan akan dilaksanakan pada tahun 2024.

PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK

1) Kajian pembangunan tanah wakaf am milik Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) yang berpotensi untuk dibangunkan. Kajian ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah bilangan 3 pada 22 ogos 2023. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

a) Tanah-tanah yang telah diwakafkan kepada MAIK tidak semua lokasi dan kedudukan tanah sesuai untuk dibangunkan atau diusahakan.

b) Pengemaskinian fail-fail tanah wakaf yang tidak lengkap dan Sistem Pengurusan Hartanah Wakaf (SPHW) perlu penambahbaikan.

c) Kaedah yang dilaksanakan untuk melestarikan pembangunan hartanah wakaf adalah sewaan, istibdal, pembiayaan rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK 9), Built, Operate, Transfer (B.O.T), usahasama dan pajakan.

d) Terdapat 4 daerah yang dipilih berdasarkan tanah wakaf am yang berpotensi untuk dibangunkan iaitu:
   i) Akar Peluru (Simpang Kuala), Daerah Kota Setar
   ii) Pulau Belanga, Daerah Padang Terap
   iii) Sungai Senam, Temingat dan Charok Tok Uban, Daerah Sik
   iv) Sungai Ular dan Keladi, Daerah Kulim

e) Bahagian Wakaf perlu menyediakan satu garis panduan kepada masyarakat bagi menerangkan tujuan dan keperluan wakaf mengikut kesesuaian dan keperluan semasa bagi setiap daerah.

2) Kajian kenaikan kadar peratusan caj wakaf khas bagi sewa tapak dan tapak menara telekomunikasi di atas tanah hak milik Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Kajian ini telah dibentangkan di dalam MesyuaratMajlis Agama Islam Negeri Kedah bilangan 4 pada 21 November 2023. Kadar caj pengurusan wakaf khas yang digunapakai sehingga kini di MAIK adalah sebanyak 15%. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

a) 62 tapak iaitu 36 buah masjid, 25 buah surau dan 1 buah sekolah menengah agama terlibat dengan sewaan tapak menara telekomunikasi,

KATEGORI MASJID DAN SURAU	KRITERIA KEDUDUKAN KEWANGAN	KENAIKAN CAJ
Berpendapatan Tinggi (A)	• Melebihi RM 100,000.00	30%
Berpendapatan Sederhana (B)	• Tidak kurang daripada RM 50,000.00 dan tidak melebihi RM 100,000.00	25%
Berpendapatan Rendah (C)	• Tidak melebihi RM 50,000.00	20%

Justifikasi kajian adalah bagi menampung kos-kos pentadbiran dan pengurusan dalam pelaksanaan pengurusan sewaan yang mana dilaksanakan sepenuhnya oleh pentadbiran MAIK. MAIK menguruskan keseluruhan proses sewa tapak dan menara telekomunikasi mulai dengan penyediaan perjanjian sewaan sehingga penyelenggaraan tapak dan Menara telekomunikasi menurut perjanjian serta sebarang obligasi yang dikemukakan dalam perjanjian.

3) Bengkel "Brainstorming" Penjanaan Dana- dana Baharu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) Tahun 2023. Bengkel ini telah diadakan pada 03 hingga 05 September bertempat di The Jerai Hill Resort Gurun Kedah. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan bagi memastikan pegawai atasan MAIK dapat membuka minda dalam meningkatkan pengetahuan, memahami dengan lebih mendalam dan menjana idea dalam penghasilan dana-dana Baharu MAIK.

Pengisian dalam bengkel ini adalah ceramah "Brainstorming" dan perbincangan strategi meningkatkan pendanaan melalui aplikasi " Business Modal Canvas" BMC oleh Dr Mohd Faisal Bin Mustafa (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi, Lembaga Zakat Negeri Kedah), perbincangan faktor kritikal kejayaan dan inovasi pendanaan Majlis Agama Islam Negeri oleh Tuan Haji Nazri Bin Chik (Ketua Pegawai Rangkuman Kewangan Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad) serta perkongsian pengalaman meneroka dana baharu bagi terimaan Baitulmal dan kaedah promosi perkhidmatan Majlis Agama Islam Selangor oleh Ustaz Haji Mohammad Salleh Bin Abdul Saha (Ketua Bahagian Dakwah dan Pemasaran Sektor Baitulmal MAIS).

Rumusan daripada bengkel ini adalah MAIK perlu :

i) Meningkatkan pendanaan melalui pemerkasaan sumber yang sedia ada.

ii) Mengekalkan pendanaan tahunan melalui sumbangan Lembaga Zakat Negeri Kedah, memperkasa alokasi aset dalam pengurusan strategik aset dengan mengenalpasti berapa peratus komposisi aset untuk semua jenis pelaburan pendapatan tetap (fd), hartanah dan lain-lain

ii) Memperkasa jalinan strategik korporat bagi tujuan peningkatan dana dan mencari sumber baharu melalui pelaksanaan hibah.

Terimaan berkaitan hasil agama dengan sandaran undang-undang Jadual 9, Senarai II juga turut dibincangkan. Satu pelan tindakan akan dilaksanakan bagi menjana hasil kepada MAIK untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.









PERUNDANGAN

UNIT PERUNDANGAN & SEKRETARIAT

Pemerkasaan undang-undang hal ehwal agama Islam adalah satu elemen penting dalam membangunkan kualiti pentadbiran dan pengurusan agama Islam terutama di Negeri Kedah.

Bagi tahun 2023, Unit Perundangan dan Sekretariat (UPS), MAIK menumpukan sepenuh perhatian bagi memantapkan enakmen, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang diguna pakai supaya undang- undang hal ehwal agama Islam lebih progresif mengikut peredaran teknologi dan masa.

Berikut adalah siri bengkel pindaan peruntukan wakaf dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 ("EPUUIK") dan penggubalan Peraturan-Peraturan Wakaf (Kedah Darul Aman) pada tahun 2022.

BENGKEL PEMURNIAN ENAKMEN & PERATURAN-PERATURAN WAKAF TAHUN 2023

1.	Bengkel Pemurnian pindaan Enakmen dan Peraturan-Peraturan Wakaf (Kedah Darul Aman) Bil. 1/2023	9-10 Februari 2023
2.	Bengkel Pemurnian pindaan Enakmen dan Peraturan-Peraturan Wakaf (Kedah Darul Aman) Bil. 2/2023	26 Jun 2023
3.	Bengkel Pemurnian pindaan Enakmen dan Peraturan-Peraturan Wakaf (Kedah Darul Aman) Bil. 3/2023	22 Oktober 2023

Pindaan peruntukan wakaf dalam EPUUIK adalah bagi memperkemas dan memperkasa peranan Majlis sebagai pemegang amanah tunggal wakaf di Negeri Kedah. Rang Undang-Undang ("RUU") bagi meminda peruntukan wakaf kini berada di fasa akhir pemurnian dan dijangka akan dibentangkan dalam DUN pada tahun 2024.

- **Peraturan-Peraturan Pendaftaran Mualaf (Kedah Darul Aman) 2023**

Pada 26 Januari 2023, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Mualaf (Kedah Darul Aman) 2023 telah diwartakan dan dikuat kuasakan pada 01 Mac 2023 melalui Warta yang merupakan peraturan baharu yang diwujudkan bagi melancarkan urusan pentadbiran pendaftaran mualaf di Negeri Kedah.

- **Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 – Peguam Syarie**

UPS turut terlibat dalam pindaan seksyen 46 peruntukan Peguam Syarie dalam EPUUIK. Tujuan utama pindaan ini dilakukan memberi kuasa kepada Majlis menetapkan syarat tambahan melalui peraturan-peraturan dibuat di bawah subseksyen 46(2) EPUUIK bagi penerimaan masuk seseorang Peguam Syarie yang telah beramal di mana-mana negeri lain di Malaysia sebagai Peguam Syarie bagi Negeri Kedah Darul Aman. RUU ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Kedah pada 26 Oktober 2023 secara edaran dan telah dibentangkan serta diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 30 November 2023. RUU ini hendaklah diangkat bagi mendapatkan perkenan DYMM Sultan dan mendapatkan tarikh kuasa mengikut tarikh yang disiarkan dalam Warta.

- **Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016**

Cadangan pindaan peraturan 10 Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah Darul Aman) 2016 juga dilaksanakan dengan tujuan bagi mengatasi masalah terdapat keadaan di mana pemohon gagal menyerahkan bukti penampalan kepada Pengerusi sehingga tempoh yang melebihi setahun. Draf pindaan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Bil. 4/ 2023 dan telah dicadangkan untuk dikaji penampalan secara atas talian serta dibuat pindaan sewajarnya.

- **Peraturan-Peraturan Baitulmal (Kedah Darul Aman) 2021**

Cadangan pindaan peraturan 28(2) Peraturan-Peraturan Baitulmal (Kedah Darul Aman) 2021 yang bertujuan untuk menetapkan kaedah penentuan kadar fidyah dan kafarah berdasarkan nilai satu per empat daripada kadar zakat fitrah semasa di Negeri Kedah disamping penetapan kadar caj perkhidmatan bagi tujuan menampung kos operasi pengurusan kutipan dan agihan fidyah dan kafarah yang ditanggung oleh pentadbiran MAIK. Draf pindaan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Bil. 4/ 2023 pada 21 November 2023.

Pindaan enakmen, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah lain telah dijalankan dan dalam fasa awal penggubalan dan pindaan seperti berikut:

i. Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Kedah Darul Aman) 1988;
ii. Enakmen Lembaga Tabong Pegawai-Pegawai Masjid 1968; dan
iii. Peraturan-Peraturan Tauliah Mengajar, Pengawasan Pengajaran dan Perjumpaan Agama (Kedah Darul Aman).

PROSEDUR OPERASI STANDARD PROSES PELAKSANAAN ISTITABAH

Bagi melancarkan pelaksanaan proses istitabah ke atas pemohon yang memohon untuk diisytiharkan dia bukanlah lagi seorang Islam, UPS bersama Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah dan barisan peguam telah merangka suatu Prosedur Operasi Standard ("SOP") Pelaksanaan Istitabah bagi memastikan pelaksanaannya teratur dan tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang di Malaysia.

SOP tersebut adalah sebagai panduan dalaman kepada agensi-agensi agama yang terlibat dalam pelaksanaan sementara pemerkasaan undang-undang terhadap pelaksanaan istitabah ini dilaksanakan melalui pindaan dalam enakmen. Berikut merupakan siri pelaksaan bengkel bagi tahun 2023:

MESYUARAT & BENGKEL PENYELARASAN PELAKSANAAN PROSES ISTITABAH BAGI TAHUN 2023		
1.	Mesyuarat Pelarasan bagi Pelaksanaan Proses Istitabah Bil. 01/2023	21 Mac 2023
2.	Bengkel Penyediaan SOP Pelaksanaan Istitabah peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah (JKSNK)	12 Oktober 2023
3.	Bengkel SOP Pelaksanaan Istitabah peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah (JKSNK), Jabatan Mufti Negeri Kedah (JMNK), Peguam Panel dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)	25 Oktober 2023

SEMAKAN PERJANJIAN

Antara peranan dan fungsi utama UPS adalah menyemak perjanjian-perjanjian bagi menjaga dan memelihara kepentingan MAIK sebelum sesebuah perjanjian dimeterai.

Pada tahun 2023, UPS telah membuat penyelarasan penggunaan templat perjanjian termasuk perjanjian sewa hartanah, penyelesaian tunggakan sewa, pajakan dan lain-lain perjanjian. Pewujudan templat perjanjian ini bertujuan untuk mempercepatkan proses perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIK terutamanya proses memasuki dan menandatangani perjanjian dengan pihak-pihak disamping memastikan kepentingan MAIK dipelihara.

Sepanjang tahun 2023, UPS telah menyemak dan memberikan cadangan pemanbahbaikan perjanjian yang melibatkan MAIK dan antaranya adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK PERJANJIAN	PIHAK-PIHAK
1.	Perjanjian Perkhidmatan Terurus Dan Sewaan Aset Alih (Komputer Tiba) Secara Sewa Guna Lease to Use Untuk Kegunaan MAIK	MAIK & MECACOM TECHNOLOGIES SDN. BHD.
2.	Memorandum Perjanjian untuk Pembangunan Sistem Pengurusan Aset dan Sistem Pengurusan Stor	MAIK & LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH
3.	Perjanjian Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) MAIK bagi Tempoh 12 Bulan	MAIK & IDWAL SYSTEMS SDN. BHD.
4.	Perjanjian Penyewaan dan Penyenggaraan Mesin Fotostat bagi MAIK	MAIK & KONICA MINOLTA BUSINESS SOLUTIONS (M) SDN. BHD.
5.	Perjanjian Sokongan Penyelenggaraan Perkhidmatan Pembayaran Melalui Aplikasi 'SnapNPay' & 'Tulus'	MAIK & TULUS DIGITAL SDN. BHD.
6.	Perjanjian Perkhidmatan Memasak, Membekal dan Menghidang Makanan di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Sungai Petani Kedah	MAIK & PERNIAGAAN KUDA KEPANG
7.	Perjanjian Untuk Menyewa Bangunan Rumah Kedai Cikgu Abdul Halim	MAIK & PENGKALAN KUNDANG SDN. BHD.

STATISTIK SEMAKAN PERJANJIAN SEWA

Wakaf

STATISTIK SEMAKAN PERJANJIAN SEWAAN BAGI TAHUN 2023			
BIL	WAKAF		
	RUMAH KEDAI BAZAR WAKAF	TAPAK PENCAWANG	AM
1.	1	29	7

Baitulmal

STATISTIK SEMAKAN PERJANJIAN SEWAAN BAGI TAHUN 2023		
BIL	BAITULMAL	
	TANAH BENDANG	AM
1.	3	1

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Dalam era digital yang serba canggih ini, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai keunggulan dan kecemerlangan sesebuah organisasi. Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UTMK) di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan Majlis Agama Negeri Kedah (MAIK) ditubuhkan dengan satu matlamat yang jelas – untuk mengurus dan memperkasa pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi dalam usaha mencapai keunggulan tersebut. Dengan berpegang kepada tema "Berubah Demi Keunggulan," UTMK berusaha melangkah ke hadapan dengan semangat dan dedikasi yang tinggi untuk membawa MAIK ke tahap yang lebih cemerlang.

Unit ini, yang diketuai oleh seorang Pegawai Teknologi Maklumat, dibantu oleh tiga Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, dua Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi), dan seorang Juruteknik Komputer, sentiasa bersedia menghadapi cabaran teknologi yang semakin kompleks. Sepanjang tahun 2023, UTMK telah menunjukkan komitmen yang luar biasa dengan membangunkan tujuh sistem utama yang direka khusus untuk kegunaan kakitangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Pembangunan sistem ini dilaksanakan melalui dua kaedah, iaitu secara dalaman oleh penolong pegawai teknologi maklumat UTMK dan melalui kerjasama dengan pihak luar seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Bahagian Teknologi Maklumat Negeri Kedah (BTMK).

Setiap sistem yang dibangunkan dirancang dengan teliti, memastikan adanya garis masa dan carta perbatuan yang membantu mencapai sasaran pembangunan tepat pada masanya. Ujian penerimaan pengguna (UAT) turut dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan sistem tersebut berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan pengguna akhir. Satu pencapaian membanggakan ialah pembangunan Sistem i-MAIK yang menggantikan Sistem SPMB, dan mula digunakan pada bulan Januari 2024. Sistem ini merangkumi lima sub-sistem utama iaitu Sumber Manusia (Gaji, Tuntutan dan Pinjaman), Perakaunan, Belanjawan dan Anggaran Hasil, Sewaan Premis dan Hartanah, Aset dan Stor disamping Sistem Maklumat Hartanah Baitulmal dan Sistem Maklumat Hartanah Wakaf.

Pembangunan sistem secara dalaman ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar, tetapi juga berjaya mengurangkan kos perbelanjaan MAIK, selari dengan dasar penjimatan yang sedang dipraktikkan oleh jabatan kerajaan. Kejayaan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya usaha berterusan dan inovasi dalam mencapai keunggulan.


STATUS KEMAJUAN PEMBANGUNAN SISTEM-SISTEM DI MAIK (SEHINGGA 31 DISEMBER 2023)

SISTEM	DIBANGUNKAN OLEH	PERATUSAN SIAP	STATUS
Sistem Sumber Manusia (Gaji, Tuntunan dan Pinjaman)	UTMK	77%	Telah siap dibangunkan bagi modul-modul utama dan mula digunakan pada **Januari 2024**
Sistem Perakaunan, Belanjawan dan Anggaran Hasil	UTMK	57%	Telah siap dibangunkan bagi modul-modul utama dan mula digunakan pada **Januari 2024**
Sistem Sewaan Premis dan Hartanah	UTMK	77%	Telah siap dibangunkan bagi modul-modul utama dan mula digunakan pada **Januari 2024**
Sistem Aset	LZNK	91%	Telah siap dibangunkan bagi modul-modul utama dan mula digunakan pada **Januari 2024**
Sistem Stor	LZNK	90%	Telah siap dibangunkan bagi modul-modul utama dan mula digunakan pada **Januari 2024**
Sistem Maklumat Hartanah Baitulmal	BTMK	92%	Telah siap dibangunkan dan berada **dalam tempoh percubaan**
Sistem Maklumat Hartanah Wakaf	UTMK	50%	Telah siap dibangunkan dan telah digunakan bagi modul wakaf individu. Keseluruhan sistem dijangka siap pada **Jun 2024**

Bagi memastikan informasi yang terkini dapat disampaikan kepada khalayak umum, UTMK cakna dalam memastikan laman web MAIK sentiasa dikemaskini mengikut ketetapan. Laman web MAIK memaparkan info berkaitan perkhidmatan MAIK seperti kutipan fidyah dan kafarah, wakaf tunai, infaq fisabilillah dan juga penyaluran bantuan Baitulmal, sekaligus menunjukkan ketelusan MAIK sebagai sebuah agensi agama yang bertanggungjawab di negeri ini. Laman web dan media sosial MAIK turut diaudit oleh pihak BTMK melalui Laporan Auditan Pengemaskinian Laman Web Sektor Awam Negeri Kedah pada setiap bulan melibatkan sepuluh kriteria seperti berikut:



Usaha yang ditingkatkan oleh UTMK berjaya membuahkan hasil yang diterjemahkan melalui pencapaian yang memberangsangkan bagi tahun 2023. UTMK berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dengan mendapat keputusan 100% bagi 8 bulan berturut-turut bermula Mei 2023 hingga Disember 2023. Pencapaian keseluruhan auditan laman web MAIK adalah seperti berikut:



Mengambil iltizam daripada tema "Berubah Demi Keunggulan" juga, UTMK MAIK menaruh seribu harapan agar kejayaan dan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2023 ini dapat diteruskan pada tahun yang mendatang bagi mengecapi kejayaan yang lebih tinggi melalui pembangunan sistem-sistem yang mampan dan pengurusan laman web yang efisien bagi merealisasikan seruan kerajaan dalam mendigitalkan perkhidmatan kerajaan kepada umum.

UNIT AUDIT DALAM

Jawatankuasa Audit Dalam MAIK ditubuhkan sejajar dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan bil. 9 Tahun 2004 dan Surat Pekeliling AM bil. 3 tahun 1998 serta bersandarkan syor Jabatan Audit Negara melalui tinjauan Audit Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2009. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Ketua-Ketua Bahagian dan Unit di MAIK bagi memantau dan memberi pandangan serta penambahbaikan mengenai mutu pengurusan dan prestasi kewangan di MAIK.

Jawatankuasa Audit MAIK ditubuhkan pada tahun 2019 selaras dengan keputusan Mesyuarat MAIK bilangan 1/2019 bertarikh 28 Mei 2019 terdiri dari Ahli Mesyuarat MAIK yang dilantik oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

Tujuan utama kedua-dua Jawatankuasa Audit ini adalah untuk menilai keperluan dan keberkesanan kawalan dalaman Pengurusan MAIK termasuklah memastikan perlaksanaan polisi kawalan dan memantau integriti kawalan dalaman serta sistem pengurusan informasi menerusi fungsi Audit Dalam. Pada masa yang sama, jawatankuasa ini juga menyelia laporan pengurusan dan kewangan MAIK bagi memastikan ia dibentang dengan tepat dan menggambarkan status prestasi pengurusan dan kewangan MAIK yang sebenar serta mematuhi undang-undang dan piawaian penyediaan laporan kewangan.

Komposisi dan Kehadiran Ahli Jawatankuasa Audit Dalam MAIK

KOMPOSISI	AHLI JAWATANKUASA	KEHADIRAN
PENGERUSI	SETIAUSAHA MAIK	2/4
SETIAUSAHA	UNIT AUDIT DALAM	4/4
AHLI	KETUA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	4/4
	KETUA BAHAGIAN KEWANGAN & AKAUN	4/4
	KETUA BAHAGIAN BAITULMAL	4/4
	KETUA BAHAGIAN WAKAF	4/4
	KETUA BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH	4/4
	PENGETUA PUSBA	4/4
	KETUA BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK	4/4 4/4
	KETUA UNIT PERUNDANGAN & SEKRETARIAT	4/4
	KETUA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam yang telah dilaksanakan seperti berikut:

BIL	MESYUARAT	TARIKH
1.	Jawatankuasa Audit Dalam Bil. 1 2023	7 Mei 2023
2.	Jawatankuasa Audit Dalam Bil. 2 2023	2 Ogos 2023
3.	Jawatankuasa Audit Dalam Bil. 3 2023	24 Oktober 2023
4.	Jawatankuasa Audit Dalam Bil. 4 2023	7 Februari 2024

Komposisi dan Kehadiran Ahli Jawatankuasa Audit Dalam MAIK

KOMPOSISI	AHLI JAWATANKUASA	KEHADIRAN
PENGERUSI	TIMBALAN YANG DIPERTUA MAIK	4/4
SETIAUSAHA	UNIT AUDIT DALAM	4/4
AHLI	PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN	4/4
	PENGARAH TANAH & GALIAN NEGERI KEDAH	4/4

Mesyuarat Jawatankuasa Audit MAIK yang telah dilaksanakan seperti berikut:

BIL	MESYUARAT	TARIKH
1.	Jawatankuasa Audit MAIK Bil. 1 2023	21 Februari 2023
2.	Jawatankuasa Audit MAIK Bil. 2 2023	23 Mei 2023
3.	Jawatankuasa Audit MAIK Bil. 3 2023	22 Ogos 2023
4.	Jawatankuasa Audit MAIK Bil. 3 2023	21 November 2023

RANCANGAN TAHUNAN AUDIT

Rancangan Tahunan Audit Dalam bagi tahun 2023 telah mendapat kelulusan daripada mesyuarat Majlis bil 4/2022. Laporan Perancangan Tahunan Audit bagi tahun 2023 adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

SUKU TAHUN	PERKARA
PERTAMA (JAN–MAC)	**Maklumbalas Pengauditan Penyata Kewangan MAIK bagi tahun berakhir 31 Disember 2021** i. Pematuhan Persembahan Penyata Kewangan ii. Kawalan Pengurusan Terimaan Hasil MAIK **<u>Pematuhan Persembahan Penyata Kewangan</u>** Skop pengauditan merangkumi: i. Pematuhan tatacara perakaunan PPIBZW ii. Maklumbalas teguran Jabatan Audit **<u>Kawalan Pengurusan Terimaan Hasil MAIK</u>** Skop pengauditan merangkumi: i. Kawalan borang hasil ii. Penerimaan wang iii. Prosedur kemasukan wang ke bank iv. Prosedur perakaunan terimaan v. Pengurusan akaun belum terima
SUKU TAHUN	**PERKARA**
KEDUA (APR–JUN)	**Kajian Tadbir Urus Pengurusan Kelas Mingguan PUSBA** **Pengurusan Kelas** Skop pengauditan merangkumi: i. Kapasiti pelajar ii. Kapasiti tenaga pengajar iii. Silibus pengajian iv. Pengurusan Elaun **Pengurusan Aset dan Inventori** Skop pengauditan merangkumi: i. Pengurusan bajet ii. Pengurusan peroleh iii. Fasiliti dan peralatan pengajian **Kad Perakam Waktu (*Thumbprint*)** Skop semakan meliputi: i. Pematuhan Pekeliling Perkhdimatan bilangan 1tahun 1981 ii. Daftar kehadiran kakitangan MAIK dari bulan Januari–Mac 2023 iii. Jadual anjal/flexi yang digunapakai iv. Penyelengaraan sistem *Thumbprint*

SUKU TAHUN	PERKARA
KETIGA (JUL-SEPT)	**Pengauditan Prestasi terhadap Pelan Strategik MAIK 2021-2025** Pengauditan prestasi pencapaian keseluruhan 5 teras Pelan Strategik MAIK dari tahun 2021-2022 merangkumi: Penilaian kefahaman kakitangan MAIK terhadap perlaksanaan Pelak Strategik MAIK **Kawalan Pengurusan Tuntutan Perjalanan dan Elaun Lebih Masa** Skop pengauditan merangkumi: Pematuhan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4

SUKU TAHUN	PERKARA
KEEMPAT (OKT- DIS)	**Pengauditan Dasar Keselamatan ICT** Pengkhususan kepada pengauditan susulan Laporan Audit Keselamatan ICT MAIK merangkumi: i. Sistem SPMB yang dibangunkan ii. Pengurusan risiko iii. Keselamatan fizikal di bilik server iv. Pengurusan tindakbalas insiden v. Keselamatan rangkaian vi. Akses dan kawalan pengguna vii. Latihan & kesedaran **Pengurusan Kenderaan MAIK** Skop semakan meliputi: Pematuhan APKAM – Pengurusan Aset Penyelenggaraan kenderaan MAIK Kad minyak Kad *Touch & Go*

LENSA AKTIVITI TAHUN 2023

MAJLIS PENYAMPAIAN TITAH AMANAT TAHUN BAHARU 2023 OLEH YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH








MESYUARAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

MAJLIS BACAAN YASIN SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA KEDAH







MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN FIDYAH TAHUN 1445H / 2023M









MAJLIS BERBUKA PUASA DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA KEDAH BERSAMA KAKITANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH










MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI













MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DAGING KORBAN DAN SUMBANGAN BAITULMAL MAIK

















PROGRAM ROADSHOW KESEDARAN BERWAKAF SEMPENA BULAN BERWAKAF MALAYSIADAERAH KUALA MUDA KEDAH DARUL AMAN









PROGRAM ROADSHOW KESEDARAN BERWAKAF SEMPENA BULAN BERWAKAF MALAYSIA DAERAH KULIM KEDAH DARUL AMAN














KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN MAIK








PROGRAM ROADSHOW KESEDARAN BERWAKAF SEMPENA BULAN BERWAKAF MALAYSIA DAERAH KOTA SETAR KEDAH DARUL AMAN















PROGRAM ROADSHOW KESEDARAN BERWAKAF SEMPENA BULAN BERWAKAF MALAYSIA DAERAH KUBANG PASU KEDAH DARUL AMAN

















BENGKEL PENGURUSAN KEWANGAN 2023 SPMB : TATACARA PENGURUSAN KEWANGAN & PERAKAUNAN – PENYEDIAAN, SEMAKAN DAN PELARASAN









CATATAN

KATA

HAK CIPTA TERPELIHARA
Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Bangunan Wan Mat Saman,
05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman
Tel: 04-702 6200 | Fax: 04-702 6201

https://maik.kedah.gov.my/